



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6733]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1981

Jawatankuasa (Hari Kelima Belas)—

Jadual:

Maksud B. 50 [Ruangan 6759]

Maksud B. 51 dan B. 52 [Ruangan 6792]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1981

Jawatankuasa (Hari Kelima Belas)—

Maksud P. 50 [Ruangan 6759]

Maksud P. 51 dan P. 52 [Ruangan 6792]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 6798]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SRI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N., (Kuala Langat).

” Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

” Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

” Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).

- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- " Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- " Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- " Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- " Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- " TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- " TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- " TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- " TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- " TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- " TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- " DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- " TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- " DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- " TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- " TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- " TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- " DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- " TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- " TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- " TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- " TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- " TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- " DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- " DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau),
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- ” DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” DATO' HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ALI BIN SHARIFF (Kuantan).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).

- " TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan (Chepa)).
- " DATO' NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- " DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- " TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- " TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- " TUAN P. PATTO (Menglembu).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- " DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- " DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- " TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- " PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- " TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- " TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- " TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- " TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- " DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- " TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- " TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- " TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- " TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- " WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- " WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- " TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- " DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- " TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- " PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- " DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- " TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Magaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Hari Selasa, 2hb Disember, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

GABUNGAN EDARAN NASIONAL
(GEN)—PENUBUHAN

1. **Tuan Awang bin Jabar** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan perjalanan yang diambil dan kemajuan yang dicapai bagi menubuhkan Gabungan Edaran Nasional (GEN) yang pernah diura-urakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Speaker, Gabungan Edaran Nasional (GEN) ini adalah satu konsep pembelian dan pengedaran yang telah dipertimbangkan oleh Kementerian ini untuk menyelaraskan badan-badan yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan pembelian dan pengedaran. Setelah Kementerian ini mengkaji dengan telitinya dan setelah beberapa perbincangan permulaan diadakan, konsep ini didapati menghadapi beberapa masalah. Di antaranya adalah didapati semua agensi-agensi yang terlibat di dalam perniagaan barang-barang harian yang ditubuhkan ada objektifnya masing-masing. Juga didapati MARA pula telah merangka

menyusun semula SENAMA untuk menjadikannya sebuah Agency House bagi tujuan yang sama dengan GEN. Dengan aktiviti-aktiviti SENAMA ini pihak Kementerian merasai matlamat GEN itu akan dapat dijalankan oleh SENAMA. Oleh itu, cadangan untuk menubuhkan GEN ini telah tidak diteruskan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, walaupun GEN ini tidak akan ditubuhkan kerana telahpun wujud SENAMA; soalan saya, apakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang supaya konsep ataupun kerja-kerja SENAMA ini diwujudkan di seluruh negara bukan sahaja 1-2 tempat sebagaimana yang wujud setakat hari ini.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Speaker, sebagaimana saya katakan SENAMA ini akan dijalankan di seluruh negara.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 2.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

HARGA ALAT-ALAT GANTIAN
MOTOR

2. **Tuan P. Patto** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberi sebab-sebab mengapa harga alat-alat gantian motor begitu tinggi dan sama ada terdapat apa-apa "price fixing" oleh kartel-kartel yang diorganisasikan dengan baik.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang

di-Pertua, pada masa sekarang 80% daripada keperluan alat-alat gantian motor bagi pasaran tempatan masih lagi diimport dari negara-negara maju seperti United Kingdom, Jerman Barat, Itali, Negeri Jepun dan lain-lain lagi. Pengeluar-pengeluar tempatan pula hanya dapat membekalkan 20% alat-alat gantian keperluan tempatan.

Pada amnya harga alat-alat gantian motor yang diimport adalah tinggi atas beberapa sebab. Pertama, syarikat-syarikat prinsipal luar negeri telah mengalami kenaikan kos pengeluaran yang teruk mulai 1973 dengan kenaikan harga petroleum di pasaran dunia. Ini menyebabkan kenaikan harga alat-alat gantian motor pada purata sebanyak 20%. Dari tahun ke setahun, harga alat-alat gantian motor telah meningkat lagi pada kadar 10% disebabkan oleh kenaikan harga-harga petroleum dan bahan mentah tiap-tiap tahun dan juga kadar inflasi yang meningkat di negara-negara pengeluar.

Kedua, alat-alat gantian motor yang diimport dalam negeri dikenakan juga kos-kos lain seperti kos kewangan, bayaran-bayaran pelabuhan, pengangkutan, kenaikan penukaran mata wang asing, tambang kapal dan insuran. Kos-kos ini juga telah meningkat naik di antara 5% hingga 7% tiap-tiap tahun.

Ketiga, alat-alat gantian motor yang diimport dikenakan cukai import sebanyak 25%, cukai tokok 5% dan cukai jualan 5% dan jumlah "cumulative" cukai-cukai yang kena dibayar ialah 36.5%.

Keempat, harga alat-alat gantian motor yang ditetapkan serta dinaikkan oleh syarikat-syarikat prinsipal luar negeri adalah luar dari kuasa kawalan pengimport-pengimport tempatan.

Pengeluar-pengeluar tempatan bagi alat-alat gantian pula menghadapi beberapa kos tinggi, umpamanya, kos pasti (overhead cost) pada amnya adalah tinggi kerana pelaburan terhadap harta tetap yang tinggi, pasaran tempatan yang kecil dan terhad serta pengeluaran yang tidak mencapai ke peringkat "economies of scale". Pengeluar-pengeluar tempatan juga mengalami kenaikan kos bahan mentah yang diimport. Misalnya, bagi palam pencucuh tempatan (spark plug), kos bahan-bahan mentah yang diimport

meningkat di antara 17.6% hingga 23.4% bagi tahun 1979 berbanding dengan tahun 1978. Kos-kos lain yang terlibat ialah kos-kos penjualan dan pengagihan yang meningkat 18.7% dan buruh langsung 19.6%.

Pembekal dan pengedar tempatan pula menyimpan stok berbagai jenis alat-alat gantian motor yang selalu diganti dan jarang diganti bagi keperluan buatan dan model kereta-kereta yang banyak dan ini melibatkan kos pasti yang tinggi yang meningkat dari 7% hingga 10% setahun dan termasuklah kos-kos pengangkutan, pentadbiran, pekerja dan pengedalian.

Bagi kawasan Selangor dan Wilayah Persekutuan sahaja terdapat 300 pembekal dan pengedar alat-alat gantian motor dan bagi seluruh Malaysia jumlahnya ialah lebih kurang 1,000. Lebih dari 200 pembekal dan pengedar mengimport dengan sendiri berbagai alat-alat gantian kereta dari berbagai sumber luar negeri. Memandangkan pembekal dan pengedar adalah bersendirian dan berlain hak-milik, persaingan hebat di antara satu sama lain dan juga banyaknya bilangan mereka, maka sukarlah serta tidak praktik untuk mereka mengwujudkan kartel untuk membuat penetapan harga kepada alat-alat gantian motor.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menarik perhatian Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa para pengguna sekalian terutama sekali tuan-tuan punya motokar, motosikal dan lain-lain kenderaan sentiasa terdedah kepada eksploitasi oleh peniaga-peniaga barang-barang alat gantian ini, kadang-kadang satu alat itu kita dapati harganya lebih daripada harga alat-alat yang baru dan tidak menasabah. Jadi, adakah pihak Kementerian bercadang supaya harga-harga alat-alat gantian ini semasa mereka hendak diimport hendaklah diberitahu kepada Kementerian atas senarai-senarai harga yang dibeli dan Kementerian menetapkan satu harga yang menasabah keuntungan atas barang-barang gantian yang hendak dijual kepada para pengguna.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada lagi dasar dari pihak Kementerian ini bagi mengawal harga barang-barang gantian

motor. Walau bagaimanapun saya rasa sekiranya terdapat justifikasi di mana kepentingan rakyat harus dilindungi daripada manipulasi harga, kemungkinan untuk kita menimbangkan perkara itu adalah nyata.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar banyak kedai alat-alat gantian motor ini menjual alat-alat gantian imitation tetapi harganya sama dengan harga yang genuine. Jika sedar, apakah tindakan yang sudah diambil?

Yang kedua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Satu dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Lee Kaw: Saya sambung.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah!

Tuan Lee Kaw: Bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan bercadang membuat sebahagian alat-alat gantian seperti shock absorber, piston dan lain-lain itu sebagai controlled item dengan harga yang terhad oleh kerana harga-harga alat-alat gantian jikalau seorang pergi ke tiga buah kedai harganya semua tidak sama.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama tadi setakat ini saya rasa Kementerian saya belum lagi menerima aduan mengenai barang-barang tiruan sebagaimana yang telah dinyatakan dan saya suka menyatakan sekiranya ada perkara ini berlaku iaitu imitation, bolehlah dilaporkan kepada Kementerian saya untuk mendapat tindakan yang sesuai.

Yang keduanya, memanglah menjadi hasrat Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian agar seberapa banyak bahan-bahan gantian motor ini dapat dibuat di dalam negara kita malah dasar-dasar tertentu telahpun dibuat ke arah menggalakkan lagi pembikinan barang-barang gantian motor ini di dalam negara kita. Misalnya kita ada dasar yang dipanggil Local Content Policy yang menggalakkan pemasangan kereta menggunakan sedikit demi sedikit bahan-bahan atau barang-barang yang dibuat di negara ini. Juga yang berkaitan dengan motosikal kita mempunyai jadual tertentu, misalnya hingga tahun 1985 lebih

kurang 60% daripada bahan-bahan yang membuat motosikal itu adalah di dalam negeri ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyatakan bahawa jumlah pengimport adalah begitu banyak tetapi pada hakikatnya jumlah pengimport ini adalah dimonopoli oleh beberapa syarikat sahaja. Misalnya alat ganti bagi Toyota iaitu satu jenis kereta yang begitu popular dimonopoli oleh Borneo Motors dan alat ganti bagi jenis Datsun

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Soalan saya adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa bukanlah mustahil ataupun susah untuk mengadakan sekatan harga iaitu menerusi syarikat-syarikat pengimport yang besar ini?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Bolehkah ulang sekali lagi?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tadi Setiausaha Parlimen telah menyatakan bahawa jumlah pengimport alat-alat ganti ini ada 200 lebih tetapi pada hakikatnya (effectively) jumlah syarikat ini adalah hanya seberapa sahaja iaitu dimonopoli oleh syarikat-syarikat besar yang sememangnya menjadi pengimport dan pengedar kereta-kereta yang popular dalam negara ini. Jadi soalan saya adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kawalan di atas harga-harga alat-alat ganti ini boleh dibuat dengan mudah menerusi pengimport-pengimport yang besar ini?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar perkara itu iaitu kawalan harus dibuat kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai. Kita mengawal harga ataupun tingkat harga barang-barang apabila kita dapati bahawa kepentingan orang ramai akan terjejas sekiranya tidak ada kawalan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang menjadi hasrat Kerajaan bahawa sedikit demi sedikit bahan-bahan gantian

motor ini diawasi dari segi trend harganya dari semasa ke semasa dan misalnya pada setakat ini 21 barang yang boleh dianggap sebagai gantian motor telahpun disyaratkan supaya meletakkan price tag sebagai panduan kepada orang ramai. Begitu juga setengah-setengah daripada gantian motor ini diperlukan mendapat kelulusan daripada Kementerian dan sekiranya ada perubahan harga iaitu bagi bahan-bahan motor yang berkaitan dengan program kita untuk menambah pengeluaran bahan-bahan gantian motor ini yang dibuat di dalam negara kita.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada sistem price tagging ini boleh membawa hasil untuk mengawal harga alat-alat gantian motor ataupun ia hanya akan menunaikan kehendak Kerajaan dengan meletakkan label itu.

Yang kedua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Price tagging atau price fixing?

Tuan P. Patto: Price tagging.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bukan-nya price fixing?

Tuan P. Patto: Saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata 'price tagging'.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang saya dalam soalan ini ialah price fixing, melainkan kalau Yang Berhormat menyebut price tagging.

Tuan P. Patto: Seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata tadi dan saya ingin mendapat tahu sama ada pihak Kementerian mempunyai tanggungjawab atau tidak mengenai kawalan harga alat-alat gantian motor ini walaupun ditafsir sebagai bukan menjadi satu barang yang melibatkan kepentingan orang ramai tetapi memandangkan begitu banyak kereta motor, motosikal dan sebagainya yang digunakan, tidakkah ini sendiri bererti bahawa perkara harga alat-alat gantian motor ini sudahpun melibatkan kepentingan orang ramai?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini saya perhatikan di luar sedikit daripada soalan asal kerana soalan

asal ialah sebab-sebab mengapa harga alat-alat gantian motor begitu tinggi dan juga apa-apa price fixing yang telah dibuat oleh kartel. Itulah sebab saya tanya tadi, kalau price fixing saya benarkan soalan ini tetapi kalau price tagging saya tidak benarkan.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan ada 21 jenis alat-alat gantian motor di mana mereka dikehendaki buat price tagging. Saya cuma hendak tahu sama ada itu akan menyelesaikan masalah ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen setuju hendak menjawab.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Saya ingin menyatakan price tagging sebagaimana yang disebut oleh saudara dari Menglembu itu memenuhi kedua-dua matlamat yang dikatakan tadi iaitu, satu, dengan adanya price tagging ini akan memberi kesedaran kepada orang ramai dan mereka yang terlibat dengan penggunaan alat-alat gantian motor ini untuk mengetahui trend semasa harga gantian motor itu. Dengan ini dapat mereka mengetahui harga dan sekiranya mereka tidak puashati dengan apa yang berlaku maka mereka boleh menghubungi dengan pihak berkuasa bagi mengambil tindakan-tindakan yang selaras dengan itu.

Matlamat kedua tadi memang benar Kerajaan memang menghendaki supaya 21 item yang disebutkan tadi dipricetagkan. Jadi keperluan Kerajaan pun dipenuhi dan keperluan pengguna bahan-bahan gantian motor ini dipenuhi pada satu masa.

GURU DAN PENYELIA KEMAS— KENAIKAN ELAUN

3. **Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar Guru-guru dan Penyelia-penyelia di bawah Jabatan KEMAS tidak dinaikkan elaunnya waktu gaji Pegawai-pegawai Kerajaan dinaikkan baru-baru ini; jika sedar, adakah beliau bercadang supaya elaun Penyelia-penyelia dan Guru-guru di bawah Jabatan Kemas akan dinaikkan, jika ya, bila.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang perkara ini dan sekarang ini adalah dalam pertimbangan Kerajaan.

HASIL DARI SABAH DAN SARAWAK

4. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hasil yang didapati dari Sabah dan Sarawak bagi tahun 1978, 1979 dan 1980 dan jumlah wang diberi kepada negeri-negeri tersebut untuk pembangunan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil yang diperolehi dari Sabah dan Sarawak bagi tahun-tahun 1978, 1979 dan sehingga bulan Ogos 1980 adalah seperti berikut:

		Jumlah sehingga bulan Ogos, 1980		
Sabah	\$1,658.23 juta	
Sarawak	\$1,198.76 juta	
	1978	1979	1980 (sehingga Ogos)	
	\$794.84 juta	\$483.39 juta	\$378 juta	
	\$591.59 juta	\$340.17 juta	\$267 juta	

Jumlah wang yang telah diperuntukkan kepada kedua-dua negeri ini bagi maksud pembangunan untuk ketiga-tiga tahun yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut:

Jumlah besar bagi negeri Sabah bagi tahun-tahun 1978, 1979 dan 1980 ialah sebanyak \$1,066.05 juta iaitu pada tahun 1978 sebanyak \$283.69 juta, bagi tahun 1979 sebanyak \$393.58 juta dan bagi tahun 1980 sebanyak \$388.78 juta.

Dan keseluruhannya bagi negeri Sarawak ialah sebanyak \$1,161.66 juta iaitu pada tahun 1978 sebanyak \$225.07 juta, bagi tahun 1979 sebanyak \$363.81 juta dan bagi tahun 1980 sebanyak \$572.78 juta.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada jumlah wang yang disebutkan tadi, pemberian kepada Sabah dan Sarawak termasuk wang yang dibelanjakan bagi mengurus pegawai-pegawai Kerajaan Pusat yang bertugas di Sabah dan Sarawak.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang saya bacaikan tadi ialah untuk tujuan pembangunan sahaja.

PENYELUDUPAN BARANG-BARANG TERKAWAL

5. Puan Shariffah Dorah binti Mohamed minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerian dapat mengesan ke mana barang-barang terkawal diseludupkan dan apakah tindakan yang diambil terhadap penyeludupan-penyeludupan ini.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang dapat mengesan sebahagian besar dari penyeludupan yang berlaku. Biasanya penyeludupan bergantung kepada paras harga di negara asing, terutama negara jiran. Jika harga di Malaysia lebih tinggi, seperti harga gula 2-3 tahun dahulu, gula diseludup masuk ke Malaysia. Ini bukan sahaja menolong mencegah dari kenaikan harga tetapi mengurangkan permintaan dari pembekal Malaysia. Sebaliknya bila gula di Malaysia lebih murah dari di negeri jiran, gula tidak diseludup masuk lagi. Ini menyebabkan penduduk sempadan terpaksa membeli gula dari dalam negeri di mana dahulu mereka membeli gula yang diseludup dari luar negeri. Dengan ini permintaan gula dalam negeri tentulah bertambah. Permintaan lebih bertambah apabila gula dari Malaysia diseludup keluar. Keadaan ini boleh difaham dengan jelasnya dari angka bekalan ke Kelantan umpamanya. Pada tahun 1979 bekalan untuk Kelantan adalah sebanyak 11,591.75 tan metrik. Tetapi pada tahun 1980 bekalan untuk bulan Januari ke bulan Oktober ialah sebanyak 18,611.50 tan metrik. Adalah mustahil orang di Kelantan memakan gula sekali ganda lebih dari biasa pada tahun ini. Kemungkinan ialah gula ini diseludup. Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam hal ini sebagaimana yang telah dikatakan.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata perkara ini boleh dikesan dan tindakan yang sewajarnya sudah diambil, dan jika sekiranya demikian, apakah sebabnya hingga hari ini masalah gula yang diseludup ke negara-negara jiran tidak boleh dicegah?

Adakah kerana kelemahan Kementerian ini kerana terlibat dengan orang-orang besar dalam penyeludupan gula ini sehingga kita boleh melihat gula diseludup ke luar tetapi tidak boleh ditangkap.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelakan beberapa kali dan juga Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai tindakan-tindakan yang telahpun diambil. Saya rasa jawapan-jawapan yang telah diberi itu telahpun memenuhi soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberitahu Dewan ini apakah sebab-sebab gula tidak dibenarkan dibawa di antara negeri-negeri di dalam Malaysia ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, saya ingin tahu, kalau tindakan yang tertentu telah diambil, apa sebab tindakan-tindakan yang diambil ini tidak boleh mencegah (put a stop) atas perkara penyeludupan gula ke negara-negara jiran, hanya boleh melihat, nampak perkara ini keluar tetapi tidak boleh ditangkap. Adakah oleh kerana kelemahan Kementerian atau kelemahan jentera Kerajaan atau ada satu sindiket yang ada terlibat orang besar maka Kerajaan tidak boleh menggunakan kuasanya untuk menangkap.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di dalam Dewan ini kerana telah mendengar sebagaimana dikatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi bahawa orang pergi ke Thailand membawa 4-5 kati gula bawa masuk balik, jadi masalah ini telah disebut oleh Yang Berhormat tadi, bahawa Menteri yang berkaitan telahpun jawab. Pada saya perkara ini telahpun di jawab tetapi kalau Yang Berhormat hendak jawab, silakan tetapi rasa saya tidak payah lagi.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Saya hendak menambah sedikit iaitu saya menafikan bahawa Kementerian saya

tidak bertindak. Segala cara-cara dan perkara-perkara yang perlu diambil telahpun dijalankan dan kita telah mendapat keputusan-keputusan seperti penggantungan-penggantungan lesen sebagaimana yang saya umumkan semalam. Seperti mana yang saya suka menyatakan iaitu kita masih lagi di dalam proses mempergiat dan memperhebatkan lagi. Jadi oleh sebab ini dalam proses kita belum lagi boleh memberi judgement sama ada kita gagal atau berjaya dalam perkara ini. Tetapi saya mempunyai keyakinan yang penuh dengan tindakan-tindakan yang telah kita ambil kita akan dapat memperbaiki keadaan yang sedia ada.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, nasib baik penyeludupan kita tidak banyak, cuma ke Siam. Kalau DAP mungkin banyak ke Singapura.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan soalan itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalnya saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen setakat ini berapa ramaikah penyeludup ini ditangkap akibat daripada membawa barang-barang kita ini ke luar negeri.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, penangkapan yang sebenar belum dijalankan tetapi kepada mereka yang terlibat di dalam soal penyelesaian telahpun diambil tindakan dengan menggantung—bukan menggantung orangnya—tetapi menggantung lesen penjualan yang membenarkan mereka menjual gula sebagaimana yang dinyatakan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak penyeludupan ini telah berlaku Kementerian berkenaan telah mengambil tindakan dan di antara banyak tindakan yang diambil itu bolehkah saya mendapat tahu bilangan kaum yang banyak melakukan penyeludupan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi soalan itu telah ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih, dan jawapan telah diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya rasa tidak payah lagi dijawab.

SEKOLAH BERASRAMA PENUH

6. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau bercadang mengadakan kajian kemungkinan bagi menubuhkan lagi sekolah berasrama penuh di Kelantan menurut kepadatan penduduk bagi satu-satu daerah.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengadakan kajian kemungkinan bagi menubuhkan sekolah-sekolah berasrama penuh di Kelantan yang didasarkan kepada kepadatan penduduknya bagi satu-satu daerah. Sebaliknya Kementerian ada membuat perancangan dari segi keperluan negara keseluruhannya.

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia ke Empat nanti, sebuah lagi sekolah Menengah Berasrama Penuh telah dirancangan untuk Negeri Kelantan, iaitu di Pasir Mas. Dengan terbinaanya Sekolah Menengah Berasrama Penuh ini nanti Negeri Kelantan akan mempunyai tiga buah Sekolah Menengah Berasrama Penuh. Projek-projek Sekolah Menengah Berasrama Penuh, yang telah diluluskan untuk negeri Kelantan di masa yang lepas ialah Sekolah Menengah Sains Kelantan, di Pengkalan Chepa dan Sekolah Menengah Sains di Machang. Selain daripada itu dua buah Sekolah Menengah Agama yang diambil alih oleh Kerajaan Pusat pada tahun 1978 dahulu, iaitu Sekolah Menengah Agama Naim Lil Banat dan Sekolah Menengah Agama Fala-hiah akan dilengkapi juga dengan kemudahan asrama dengan sepenuhnya.

Di samping membina kompleks Sekolah Menengah Berasrama Penuh ini, Kementerian saya juga akan terus menambahkan kemudahan asrama di Sekolah Menengah-Sekolah-Menengah biasa untuk memberi kemudahan tempat tinggal yang sempurna kepada murid-murid, terutamanya mereka yang berasal dari luar bandar.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri kerana sebuah sekolah menengah berasrama penuh akan didirikan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Jadi apakah faktor-faktornya menyebabkan sekolah itu akan didirikan di

Pasir Mas dan mengapa tidak didirikan di Pasir Putih atau tempat-tempat yang lain (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu luar daripada soalan asal (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hiew Nyuk Yin.

(*Soalan No. 7 Y. B. Tuan Hiew Nyuk Yin tidak hadir*)

PERKIM BANTUAN—KERAJAAN

8. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa PERKIM telah memainkan peranan yang cemerlang di negara ini (yang diketuai oleh YAM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Bekas Perdana Menteri) setakat hari ini berapa banyak peruntukan yang diberi oleh Kerajaan kepada badan tersebut supaya dapat memperkembangkan lagi kepada negara-negara Tenggara Asia ataupun di rantau Pasifik amnya.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa PERKIM telah memainkan peranan yang cemerlang di negara ini yang diketuai oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Bekas Perdana Menteri Malaysia dan saya mengaku bahawa PERKIM masih memainkan peranan yang utama di dalam pembangunan agama di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini peruntukan yang diberi kepada PERKIM adalah sebanyak \$1,150,000.00 semua sekali.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa memandangkan peranan dan pencapaian yang telahpun dibuat oleh PERKIM maka wang bantuan yang telahpun dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia sehingga ini terhadap membantu kegiatan PERKIM adalah terlalu sedikit dan oleh itu adakah pihak Kerajaan bercadang untuk melipat-gandakan peruntukan bantuan ini.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan membantu mana-mana pertubuhan dakwah

dalam negara kita yang menjalankan tugas-tugas menyebarkan agama Islam pada rakyat negara ini termasuklah PERKIM itu sendiri dan sekiranya wang masih diperlukan lagi untuk projek PERKIM mungkin Kerajaan akan menimbangkannya. Baru-baru ini suka saya maklumkan Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Kuwait telah menyampai sebanyak \$1 juta untuk kepentingan PERKIM dalam menyebarkan agama Islam di negara kita.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Apakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa bantuan Kerajaan kita sendiri terhadap PERKIM harus melebihi jumlah bantuan-bantuan yang diberi oleh luar negeri dan jumlah bantuan yang setakat ini telah diberi iaitu lebih kurang \$1 juta adalah terlalu sedikit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan telah ditanya daripada awal dan tentang hendak tahu dan minta persetujuan itu tidak boleh mengikut Peraturan 23 (1) (i) yang berbunyi:

“23 (1) (i) sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan betul atau tidaknya penerangan-penerangan”

Jadi saya rasa itu tidak patutlah ditanya.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, apakah bantuan yang telah diberikan pada PERKIM pada hemat Kerajaan memadai untuk membiayai pentadbiran PERKIM itu sendiri. Soalan yang kedua apakah bantuan kepada PERKIM itu diberi oleh pihak Kerajaan berdasarkan kepada permohonan daripada PERKIM itu sendiri?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini luar daripada soalan asal. Soalan asal yang pertama sedar atau tidak sedar PERKIM telah memainkan peranan yang cemerlang, Yang kedua, berapa banyak peruntukan. itu sahaja dua soalan. Yang Berhormat Menteri hendak memberi penerangan? Tidak payah.

Dato Haji Mohamad bin Nasir: Tidak payah.

Wan Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pertubuhan-pertubuhan seperti ini selalunya pada peringkat awal

memanglah baik, sebagaimana juga pertubuhan ABIM. Tetapi kadang-kadang apabila tidak ada pengawasan daripada Kerajaan tentulah akan menimbulkan perkara-perkara yang tidak baik. Jadi apakah langkah Kementerian untuk menentukan pertubuhan seperti ini akan memberi kebaikan dan juga akan membantu Kerajaan di dalam segala hal di dalam negara.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan inipun luar daripada soalan asal.

DAGING—PENGAWALAN HARGA

9. Tuan Ikhwan bin Nasir minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerianya terhadap harga-harga daging yang mahal sedangkan Malaysia merupakan salah sebuah negara yang sesuai untuk memajukan ternakan ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, pada amnya harga daging termasuk ayam dan lain-lain adalah berpatutan. Sungguhpun begitu, Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk menentukan bekalan daging mencukupi bagi keperluan segera di negara ini dengan harga yang berpatutan. Di antara langkah-langkah yang akan diambil:

- (1) menambah pengeluaran ternakan di antara penternak-penternak kecil menerusi rancangan ternakan subsidi dan lain-lain.
- (2) menubuhkan ladang-ladang ternakan.
- (3) menambahkan usaha untuk memperbanyakkan rumput-rumpai dan makanan ternakan.
- (4) meneruskan pengimpotan ternakan untuk dibiak dan untuk disembelih.
- (5) mengadakan pengawalan penyakit-penyakit ternakan yang merbahaya.
- (6) meneruskan penyelidikan di dalam bidang perusahaan ternakan untuk meninggikan produktiviti ternakan.
- (7) memperbaiki mutu ternakan menerusi rancangan permainan beradas dan pembahagian baka-baka.
- (8) menggiatkan aktiviti latihan untuk penternak-penternak dan pegawai-pegawai.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, salah satu cara-cara membanyakkan ternakan lembu kerbau ialah mengimport dan kita dapat tahu salah satu negeri yang kita mengimport lembu kerbau ialah negeri yang berjalan dengan kita iaitu negeri Thai, yang baharu-baharu ini mengatakan tidak boleh disebabkan penyakit.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalan tambahannya?

Tuan Shaari bin Jusoh: Baharu-baharu ini dikatakan tidak boleh, kemudian saya dengar berita mengatakan boleh, ini saya hendak pengesahan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah sekarang telah sah bahawa kerbau lembu daripada negeri Thai boleh diimport semula.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini ada berlakunya wabak penyakit mulut dan kaki di Thailand terutama di Thailand Selatan. Maka hal yang demikian, satu perintah telah dikeluarkan untuk menegah daripada pengimportan ternakan termasuklah kerbau lembu dan sebagainya daripada Thailand. Walau bagaimanapun, pencegahan itu sentiasa dikaji dan sekiranya perlu boleh dilonggarkan jika didapati ada faktor-faktor yang boleh melonggarkan prohibition ataupun tegahan itu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi telah memberitahu beberapa cara untuk menghadapi masalah harga daging. Saya ingin tahu sama ada termasuk juga penyusunan semula Majuternak hatta kepada penutupan Majuternak sebagaimana yang telah diura-urakan dalam dua minggu yang lepas.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian berpuas hati di atas perjalanan Majuternak dan Kementerian tidak ada cadangan untuk hendak membuat apa-apa kepada Majuternak dari segi penambahan dengan bagi keperluan negara.

Tuan P. Patto: Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa di negeri

Sabah dan Sarawak terdapat harga daging termasuk ayam, babi, kambing, lembu dan kerbau itu lebih tinggi daripada harga di Semenanjung. Kalau Yang Berhormat itu sedar atau Kementerian itu sedar adakah rancangan-rancangan khas bagi negeri Sabah dan Sarawak untuk memastikan bahawa harga daging termasuk ayam, kambing, babi itu dapat diturunkan dan dengan itu boleh memberi satu kemudahan kepada rakyat biasa dalam negeri Sabah dan Sarawak untuk membeli dan memakannya.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, soal ternakan di Sabah dan Sarawak adalah dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, dan saya tidak ada hajat hendak menyentuh bidang-bidang dalam kekuasaan Kerajaan negeri Sarawak dan Sabah.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa hari ini polisi yang dijalankan oleh Majuternak iaitu memberi subsidi harga daging di kawasan Kuala Lumpur dan juga di kawasan Johor Bahru iaitu dengan memberi harga subsidi yang murah daripada kawasan-kawasan lain ini bukan galakan tetapi boleh memberikan halangan kepada penduduk-penduduk di Malaysia ini untuk menternak kerbau dan lembu oleh kerana harga....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan kepada apa soalnya.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau bercadang untuk memberhentikan pemberian subsidi kepada harga daging di Kuala Lumpur dan juga di Johor Bahru sebagai salah satu galakan kepada petani-petani di luar bandar untuk membela kerbau dan juga lembu.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Gerik kerana telah membangkitkan soalan ini. Perkara ini adalah di dalam pertimbangan Kerajaan dan akan diteliti dengan mendalam kerana banyak pro

dan contra dan implikasinya. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu adalah dalam pengetahuan Kerajaan dan perkara ini adalah dalam pertimbangan Kerajaan.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah untuk memenuhi keperluan daging di Malaysia tentulah pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Yang Berhormat telah dihantar ke luar negeri, dua negeri seperti Australia dan Kanada di mana ada severe winter, hanya ada 4-6 bulan masa untuk tanam rumput dan membela lembu kambing dalam bangunan. Soalan saya adakah ini telah menjadi bahan pemikiran dan tindakan kita kerana pernah Menteri Pertanian Kanada dibaling dengan susu kerana terlalu banyak susu dan daging dikeluarkan di negeri itu walaupun ada severe winter, tetapi di negara ini tiada winter sepanjang tahun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalannya itu tidak berapa jelas Yang Berhormat. Soal asal ialah apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian terhadap harga-harga daging yang mahal. Kalau begitu cuba tanya sekali lagi.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah menjadi pemikiran Kementerian beliau untuk membuat perbandingan, kalau di negara yang ada winter hanya 4 sampai 6 bulan sahaja masa untuk menanam rumput rampai dan ternakan dibuat dalam bangunan. Apakah tindakan kita terhadap negara kita yang tidak ada winter malah sepanjang tahun kita boleh tanam rumput rampai dan boleh membela ternakan.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan itu untuk menternak ternakan seperti lembu memerlukan kawasan rumput yang agak luas juga dan dari segi ekonominya kawasan itu jika ditanam dengan pokok-pokok lebih mendatangkan hasil yang lebih daripada ternakan kerana itulah permilik tanah lebih minat menggunakan tanah mereka secara bercucuk tanam pokok-pokok yang mendatangkan hasil lebih daripada menggunakan tanah mereka untuk dijadikan tanaman rumput untuk ternakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad Taufeck bin O. K. K. Haji Asneh.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Haji Mohd. Taufeck bin Datuk Haji Asneh tidak hadir)

PERNAS—LATIHAN BUMIPUTRA

11. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri meyakinkan adakah Kementeriannya sedar bahawa Pernas telah menghantar kumpulan tertentu untuk mengikuti latihan di luar negeri seperti di Canton. Tetapi kepulangan kumpulan tersebut tidak mendatangkan faedah kepada kaum Bumiputra. Mereka hanya bekerja dengan pihak Swasta seperti di Emporium dan lain-lain.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Pernas tidak pernah menghantar kumpulan tertentu untuk mengikuti latihan di luar negeri seperti di Canton sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, Pernas ada menghantar pegawai-pegawai dan kakitangannya untuk mengikuti kursus dalam bidang yang khusus mengikut keperluan Pernas sendiri. Di samping itu Pernas juga mengeluarkan biasiswa pada tiap-tiap tahun kepada warganegara Malaysia untuk kursus-kursus di peringkat universiti.

TEKSI (KERETA SEWA)

12. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada benar beliau bercadang untuk mewujudkan satu sistem di mana semua teksi (kereta sewa) dipandu sendiri oleh tuannya. Kalau ya, adakah beliau bercadang hendak menarik balik semua teksi (kereta sewa) yang dipandu oleh orang lain ataupun yang dipajakkan oleh tuan-tuan punya, apabila tempoh lesen teksi (kereta sewa) tersebut tamat.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan ini adalah lebih kurang sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat pada 17hb November, 1980 dalam mana saya telahpun menjawabnya, maka dengan itu saya tidak ada apa-apa lagi tambahan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wong Hoong Keat.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 13.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Sandakan.

LESEN-LESEN TEKSI

13. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar dengan adanya keluaran lesen-lesen teksis baharu baru-baru ini diberikan lesen nyatakan dasar-dasar pilihan dan juga sebabnya tiada seorang pemohon pun dipilih.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kementerian mendapati bilangan teksis di wilayah George Town adalah mencukupi dan segala permohonan-permohonan yang telah diterima adalah dalam perhatian.

YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA

14. Tuan Awang bin Jabar minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan-kemajuan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dalam mencapai objektifnya menyelaraskan badan-badan dakwah di seluruh negara.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, usaha menyelaraskan kegiatan dakwah yang dibuat oleh yayasan dakwah selama ini adalah lebih merupakan persefahaman pakatan di dalam usaha menghadapi masalah-masalah dakwah dalam mesyarakat dari semasa ke semasa. Pelaksanaan yang telah dilakukan adalah melalui mesyuarat-mesyuarat, perbincangan-perbincangan, pertemuan-pertemuan dan sebagainya.

Hasil dari itu Yayasan telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras di peringkat Negeri dan Majlis Syura Dakwah di peringkat Pusat. Pada dasarnya semua badan-badan dakwah adalah bebas bergerak di bawah organisasi masing-masing sedang kuasa ugama adalah terletak di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan di negeri masing-masing.

Yayasan Dakwah hanya berfungsi sebagai penyelaras dalam bidang-bidang yang tidak menyentuh pimpinan pertubuhan dakwah yang lain dan tidak pula melibatkan campurtangan di dalam kuasa-kuasa ugama yang ada di negeri masing-masing.

Untuk menjelaskan lagi pertanyaan Ahli Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bidang tugas dakwah ini ialah untuk memperkuatkan lagi tenaga dan memesatkan lagi kegiatan badan-badan dakwah yang sudah ada.

Kedua, untuk mempertingkatkan usaha dan meningkatkan mutu dakwah Islamiah yang maha suci supaya lebih berkesan.

Ketiga, untuk menyatukan tenaga dan fikiran serta menyusun barisan yang kuat dan teratur bagi melaksanakan tugas jihad menegakkan kebajikan dan membenters kemungkaran yang semakin hebat mengancam masyarakat dan umat Islam sekarang dari segala arah dan penjuru.

Mengenai bidang kuasa pula, suka saya menyatakan bahawa bagi mencapai maksud tersebut Yayasan ini diberi kuasa:

- (a) membuat rayuan-rayuan bagi memungut derma dan melaburkan sebahagian atau kesemuanya pendapatanya melalui badan-badan yang dibenarkan oleh Kerajaan;
- (b) merancang persidangan-persidangan, simposium-simposium, seminar-seminar, syarahan-syarahan, mesyuarat-mesyuarat dan perbincangan-perbincangan;
- (c) menerbitkan majalah-majalah, buku-buku dan lain-lain penerbitan untuk dibahagikan secara percuma atau jualan;
- (d) menyokong dari segi kewangan atau selainnya persatuan-persatuan, institusi-institusi dan lain-lain badan yang mempunyai tujuan dakwah; dan
- (e) memberi nasihat mengenai aktiviti-aktiviti persatuan, institusi-institusi dan lain-lain badan supaya mencapai tujuan yang maksima.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, soalan No. 15.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

KOMPLEKS LPN DI KEDAH/PERLIS— KEKURANGAN KEMUDAHAN

15. Tuan P. Patto (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar akibat kekurangan kemudahan-kemudahan penyimpanan, kompleks-kompleks LPN di Kedah dan Perlis tidak mampu menjalankan kerja-kerja mengisar dan sebab itu menyebabkan kerugian-kerugian yang teruk; dan
- (b) sama ada benar pihak Biro Siasatan Negara sedang menyasiat tuduhan-tuduhan mengenai amalan-amalan salah dan rasuah yang wujud di kompleks LPN itu.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Speaker, pihak Kementerian sedar bahawa kemudahan-kemudahan penyimpan dan pemerosesan padi di Kompleks LPN Kedah/Perlis sekarang tidak mencukupi untuk memproses segera padi yang lebih banyak dipasarkan oleh petani-petani kepada LPN sekarang. Kekurangan kemudahan terutamanya jentera pengeringan menyebabkan kelewatan untuk mengeringkan semua padi yang dibeli oleh LPN, ini telah mengakibatkan kejatuhan nilai dan mutu padi yang telah dibeli itu.

Untuk mengatasi masalah-masalah ini LPN akan membina lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan memproses padi di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Bagi soalan yang kedua, sepanjang pengetahuan saya tidak ada siasatan sedang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara terhadap kakitangan-kakitangan Kompleks LPN.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata bahawa memang ada rancangan untuk menambahkan lagi beberapa pusat pemerosesan padi. Saya ingin mendapat tahu di manakah pusat-pusat ini akan dibina dan sama ada pusat-pusat ini akan hanya terhad kepada kedua-dua Negeri Kedah dan Perlis.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Speaker, bagi Rancangan Malaysia Keempat sebagaimana yang dikatakan memang dirancang beberapa buah kompleks ataupun gudang-gudang bagi kegunaan pengilang dan memproses padi. Kawasan-kawasan ataupun tempat-tempat yang akan dibina kilang-kilang ini ialah di Gurun Tengah, Tunjang dan Perit dan ini adalah merupakan integrated complex. Kemudian tempat-tempat seperti Jitra, Langgar dan Kodiang, ini sebagai tambahan kemudahan-kemudahan mengilang.

JAMBATAN SABAK BERNAM/ KUALA SELANGOR

16. Tuan Abd. Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menjelaskan, Jambatan Sabak Bernam dan Jambatan Kuala Selangor telah pun siap, oleh itu apakah taraf jalan raya:

- (a) dari Sabak Bernam ke Kuala Selangor;
- (b) dari Sabak Bernam ke Telok Anson; dan
- (c) dari Sabak Bernam ke Bagan Datok.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dengan siapnya Jambatan Sabak Bernam dan Jambatan Kuala Selangor itu taraf jalan di antara Sabak Bernam ke Kuala Selangor dan juga dari Sabak Bernam ke Telok Anson dan jalan dari Sabak Bernam ke Bagan Datok adalah menjadi Jalan Persekutuan.

PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA—JUMLAH PERMOHONAN

17. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejak tahun 1978 hingga hari ini, berapakah permohonan pasport antarabangsa telah diluluskan dan berapakah telah ditolak, sila nyatakan langkah-langkah yang positif telah diambil untuk memperbaiki keadaan pekerjaan dan bangunan yang buruk di Jalan Tugu, Kuala Lumpur ini dan mempertingkatkan perkhidmatan dan kecekapannya di semua Jabatan Imigresen supaya pengaduan-pengaduan oleh orang ramai dikurangkan.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, jumlah permohonan pasport Antarabangsa Malaysia yang telah diluluskan

semenjak dari tahun 1978 hingga Mei, 1980 ialah sebanyak 543,487; yang ditolak ialah sebanyak 48,781.

Fakta-fakta bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu sudahpun diberi sewaktu pihak Kementerian menjawab soalan-soalan yang hampir sama pada 28hb Mac, 1980, 1hb April, 1980, 3hb April, 1980, 10hb Jun, 1980, 13hb Jun, 1980, dua soalan pada 27hb Oktober, 1980 dan 1hb Disember, 1980.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah sebab-musabab yang mengakibatkan sebegitu ramainya permohonan telah ditolak.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, ini juga telah saya berikan sewaktu menjawab soalan-soalan yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu ada 500,000 permohonan lagi yang sedang di dalam proses. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah kira-kira dapat diproses segera permohonan-permohonan ini dan kalau yang hendak ditolak, bilakah secepat mungkin boleh ditolak permohonan yang hendak ditolak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau tak silap saya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa 543,000 lebih permohonan telahpun diluluskan dan 48,000 yang ditolak. Kalau tak silap sayalah jawapan itu sudah diberi tadi saya dengar. Jadi soal Yang Berhormat ini soal apa? *(Ketawa)*.

BUMIPUTRA MEMILIKI RUMAH/ BANGUNAN—QUOTA

18. Tuan Haji Ikhwan bin Nasir minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah jangka panjang dan pendek yang berkesan dan cekap untuk memastikan bahawa qota rumah-rumah dan bangunan-bangunan yang diuntukkan kepada bumiputra dapat dimiliki oleh Bumiputra selaras dengan perjuangan menyusun semula struktur masyarakat Malaysia.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat soalan yang bermaksud sama telah saya jawab pada 14-10-1980 dan 25-11-1980 di Dewan Majlis yang mulia ini. Ketika ini tidak ada maklumat untuk dimaklumkan.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan 10 adalah diberi di bawah ini).

MESEN PEMBALUT KAD PENGENALAN DI JABATAN PENDAFTARAN, KOTA KINABALU

7. Tuan Hiew Nyuk Yin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Menteriannya akan mengadakan mesen pembalut di Jabatan Pendaftaran di Kota Kinabalu. Pada masa sekarang semua kad-kad pengenalan dari Kota Kinabalu di balut di Kuala Lumpur dan kerana masalah jarak dan mel, ianya mengambil masa sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum sesuatu kad dikeluarkan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan mesen pembalut di Jabatan Pendaftaran Kota Kinabalu. Adalah menjadi dasar Kerajaan, bahawa penyalutan kad pengenalan dipusatkan di Ibu Pejabat Pendaftaran Negara di Petaling Jaya, kerana sebab-sebab keselamatan dan bagi menjamin kad-kad tersebut tidak jatuh kepada mereka yang tidak berhak memilikinya.

HOSPITAL DAERAH BEAUFORT/ DISPENSARI KOTA KLIAS/WESTON— PEMBINAAN

10. Tuan Haji Mohd. Taufeck bin Datuk Haji Asneh minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) Bilakah masanya Hospital Daerah Beaufort dapat disiapkan dan digunakan untuk orang ramai; dan
- (b) Bilakah Dispensary di Kota Klias dan Weston dapat dimulakan pembinaannya.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):

- (a) Kalau semuanya berjalan dengan lancar mengikut jadual bagi pelaksanaan projek ini, Hospital Daerah Beaufort akan dapat disiapkan menjelang bulan Disember 1982.

(b) Sekiranya tidak ada apa-apa halangan juga pembinaan Dispensari Luar Bandar di Kota Klias dijangka akan dimulakan pada bulan April 1981, manakala pembinaan Dispensari Luar Bandar di Weston pula akan dimulakan pada bulan Mei 1981.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Anggaran Pembangunan, 1981 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Kelima Belas)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperurusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 50 (Jadual)—

Maksud P. 50 (Anggaran Pembangunan 1981)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kita cuma ada dua hari sahaja lagi, iaitu hari ini dan hari esok untuk hendak membahaskan Belanjawan tahun 1981 ini maka saya syorkan Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap hanya lebih kurang 10 minit tiap-tiap seorang dalam 5 lagi Kementerian yang akan kita bahaskan.

Sekarang ini Maksud Bekalan B. 50 dan Maksud Pembangunan P. 50 berjumlah \$49,431,080 di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

3.30 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap satu perkara sahaja muka surat 465, B. 50, Program (3) Keselamatan Pekerjaan.

Tuan Pengerusi: Muka surat berapa Yang Berhormat?

Tuan Lee Lam Thye: Muka surat 465, Program (3) Keselamatan Pekerjaan.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara keselamatan Pekerjaan saya ingin menarik perhatian Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat kepada masalah kemalangan industri. Meskipun ini bukanlah satu masalah yang baru dan telahpun dikemukakan pada masa-masa yang lepas, tetapi saya rasa bahawa ianya hendaklah dikemukakan semula memandangkan bahawa masalah ini nampaknya telah menjadi serius dan sehingga sakarang usaha-usaha yang diambil untuk mengatasi masalah ini masih belum berkesan.

Daripada penyelidikan yang dijalankan oleh Jabatan Ekonomi, Universiti Malaya bahawa pada setiap hari lebihkurang 184 kejadian kemalangan berlaku di kilang-kilang dan tempat-tempat kerja di seluruh Malaysia dan sekurang-kurang satu daripadanya akan menjadi fatal atau boleh membawa kematian. Dengan 57,000 kejadian kemalangan industri yang dilaporkan berlaku pada setiap tahun, keadaan keselamatan dan kesihatan industri di tempat-tempat kerja dan di kilang-kilang di seluruh negara adalah menakutkan dan ini hendaklah mendapat perhatian yang lebih daripada pihak yang berkenaan.

Dalam bentuk hari kerja yang hilang kos kemalangan industri di negara ini ialah menyamai kehilangan hampir 400,000 tenaga kerja (400,000 mandays) harian setiap tahun. Semua keadaan ini adalah mendukacitakan kita dan ianya berlaku kerana pihak pengurusan tidak memberikan perhatian utama, tidak memberikan perhatian yang serius dan kepentingan terhadap masalah ini dan juga sikap negatif atau keengganan mereka untuk membelanjakan wang yang lebih untuk membeli kemudahan-kemudahan keselamatan untuk pekerja-pekerja mereka.

Satu sebab lain kenyataan bahawa penyelia-penyelia sering tidak memperdulikan pengaduan-pengaduan daripada pekerja tentang perlunya perkhidmatan, pembaikan atau pertukaran bahagian-bahagian jentera yang rosak.

Di Kuala Lumpur misalnya banyak kemalangan-kemalangan yang fatal berlaku di tempat-tempat pembinaan bangunan-bangunan bertingkat-tingkat tinggi oleh kerana ketiadaan dan kekurangan perhatian daripada pihak pengurusan tentang perlunya pekerja-pekerja mereka dilengkapi dengan

alat-alat keselamatan. Kejadian-kejadian yang berlaku itu adalah sangat dikesalkan oleh kerana kemalangan pekerjaan tidak boleh ditentukan (industrial accidents are not fated), akan tetapi boleh berlaku akibat kelalaian manusia, akibat kelalaian pihak pengurusan dan boleh dikatakan bahawa semua kemalangan industri ini boleh dielak atau dicegah.

Pekerja-pekerja dikebanyakan kilang-kilang tidak sahaja terdedah kepada kemalangan tetapi juga menderita daripada penyakit-penyakit industri seperti synchosis atau habuk-habuk beracun. Dengan masalah-masalah yang serius ini berlaku di kilang-kilang dan tempat-tempat kerja, saya terkejut menyatakan di sini bahawa undang-undang tidak dikuatkuasakan secukupnya selama ini yang boleh membawa kes-kes tuntutan pekerja ke mahkamah kerana kecuaiannya majikan berhubung dengan keselamatan industri.

Begitu juga kejadian-kejadian kemalangan yang serius seperti gas bocor dan letupan yang berlaku di kilang-kilang pada masa yang lepas. Misalnya tidak berapa lama dahulu ada satu kes berkenaan dengan letupan di dalam satu tangki di sebuah syarikat Lam Soon Sdn. Bhd. di mana seorang pekerja telah terkorban. Di sini saya suka bertanya pihak Kementerian apakah hal tentang penyiasatan yang telah dijalankan oleh pihak yang berkenaan.

Saya dengan ini suka menggesa Kerajaan mengkaji semula undang-undang yang ada sekarang mengenai keselamatan industri dengan satu pandangan ke arah mengemas-kinkan atau memperkuatkannya. Kebanyakan undang-undang berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan industri-industri yang ada sekarang bermula sejak zaman penjajah dahulu dan saya rasa bahawa ianya sudah lapuk, ketinggalan zaman dan perlu dikaji semula. Malah Akta Kilang dan Jentera, 1967 adalah tidak lengkap pada pandangan saya serta tidak berkesan untuk mengendalikan keselamatan industri. Ianya hendaklah dikaji semula memandangkan betapa seriusnya kemalangan industri yang berlaku di seluruh negara sekarang.

Saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan hendaklah menyediakan satu undang-undang keselamatan dan kesihatan industri yang lebih comprehensive untuk pekerja-pekerja Malaysia demi keselamatan mereka. Kerajaan hendaklah memperkenankan satu

akta keselamatan pekerjaan dan kesihatan yang meliputi peruntukan-peruntukan yang berikut:

- (1) Mewajibkan penubuhan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan industri dan kilang di kawasan perindustrian untuk mengusahakan semua perkara berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerja di kilang-kilang, di industri-industri dan seorang pegawai keselamatan dan kesihatan sepenuh masa hendaklah dilantik bertugas di setiap kilang yang mempunyai 500 orang pekerja.
- (2) Semua alat-alat keselamatan yang penting dan pencegahan hendaklah di sediakan oleh pihak pengurusan syarikat dan digunakan oleh pekerja sewaktu bekerja.
- (3) Majikan-majikan yang gagal mematuhi akta ini hendaklah dikenakan hukuman yang berat dan kilang-kilang hendaklah sentiasa diperiksa dan mana-mana jentera yang merbahaya keadaannya hendaklah dihentikan daripada digunakan.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kangar.

3.38 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, B. 50, muka surat 465, Butiran 1100, Program (2) Buruh dan Perhubungan Perusahaan.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita maklum buruh telah membuat perusahan dan industri-industri dan Kerajaan kita telah memberi galakan kepada buruh-buruh menubuhkan satu Kementerian sebagaimana kita bincangkan sekarang. Tetapi yang saya hendak bercakap di sini, saya berharap kalau boleh Kementerian Buruh mencari satu jalan dan ikhtiar supaya semua majikan-majikan mengadakan buruhnya masing-masing dan tiap-tiap buruh itu saya berharap sangat janganlah dibanyakkan satu kaum sahaja.

Misalnya hari ini asal daripada buruh yang membawa kepada kesatuan sekerja dan sebagainya, maka kadang-kadang kita tenguk badan-badan kesatuan sekerja ini menentang balik Kerajaan kita dan setengahnya memihak kepada parti-parti khasnya parti pembangkang yang ada di dalam negara kita.

Jadi, saya berharap sangat-sangat kepada Kementerian yang berkenaan mengadakan kursus-kursus dan memberikan galakan-galakan kepada semua pekerja-pekerja biar tiap-tiap industri patut mengadakan satu kesatuan sekerja ataupun pertubuhan buruhnya masing-masing, kerana bagaimana saya dukacita ada setengah daripada industri-industri yang kalaulah didapati buruh-buruhnya akan mengambil tindakan untuk menubuhkan persatuan maka yang menjadi mangsa siapa di antaranya yang mengambil bahagian tadi.

Jadi pada pendapat saya patut sangat kita bagi galakan, bukan kita bagi halangan dan kita harap jangan ada satu kaum sebagaimana saya kata tadi, hari ini kebanyakan kalau dinamakan sahaja buruh terpendang dan terbayang di kepala kita, siapakah ketua kesatuan pekerja dan sebagainya. Jadi Kementerian ini diharap mencari satu jalan dan ikhtiar supaya kesatuan sekerja bukan untuk satu-satu kaum apatah lagi pada peringkat atasnya. Ini saya harap Kementerian yang berkenaan mencari satu jalan untuk mengatasi apa yang telah berlaku sekarang supaya jangan berlaku lagi di masa yang akan datang, itu saya harap sangat-sangat, Tuan Pengerusi.

Begitu juga saya dapati kebanyakan kerja-kerja buruh terutama yang mahir tidak banyak terdiri daripada bumiputra dengan sebab itu saya masuk dalam Unit Binaan Jabatan Tenaga Rakyat dan Perkhidmatan Latihan, Ibupejabat. Saya berharap Kementerian Buruh mencari satu ikhtiar dan jalan supaya membuat bancia kepada tiap-tiap industri seperti mana saya katakan tadi, tetapi kalau kita banci, kita dapat tahu pekerja-pekerja mahir yang ada dalam industri kebanyakannya bukan bumiputra walaupun kalau dibilang dikaji dari segi bilangan pekerjaannya memang banyak bumiputra tetapi kalau dikaji pekerja mahir sebagaimana saya kata tadi amatlah sedih dan dukacita, pekerja bumiputra yakni pekerja mahir sangat sedikit terdiri daripada bumiputra. Maka dengan sebab itu saya berharap Kementerian Buruh dalam perkara yang saya katakan tadi (c) dan (d) berkenaan Tenaga Rakyat dan Perkhidmatan Latihan memainkan peranan yang sungguh-sungguh supaya apa yang telah berlaku sekarang ini kalau boleh di masa yang

akan datang walaupun tak dapat sekaligus, biarlah dalam satu masa dapat kita mengesimbangkan.

Satu lagi sebagaimana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar kita dapati keselamatan pekerjaan, saya dukacita dalam Rang Undang-undang Buruh kita buat syarat ada SOCSO dan sebagainya untuk memberi pampasan kepada pekerja khususnya di masa mendapat kemalangan, kematian dan sebagainya tetapi yang mendukacitakan ada setengahnya red-tape ataupun cara peraturan itu amat ketat, kadang-kadang sehingga 4-5 tahun tak dapat. Yang hendak kita bantu mereka ini ialah di masa keceemasan dan kemalangan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan dan Kementerian yang membuat undang-undang ini supaya diberi wang sugu hati atas kemalangan kepada pekerja itu, kita ucapkan terima kasih tetapi cara pelaksanaannya tak semacam apa yang ditulis. Kalaulah ada satu-satu kemalangan, kematian dan sebagainya, terpaksa cari peguam. Kalau seorang pekerja buruh yang telah mendapat kemalangan, apatah lagi sudah jatuh menimpa tangga, orang yang diharapkan oleh keluarga itu telah mendapat kemalangan. apatah lagi kalau mati dan sebagainya, mana pula keluarga yang susah tadi itu mencari ikhtiar guaman sana dan sini. Jadi kalaulah syarat-syarat itu penuh dengan red-tape, itu satu perkara yang cukup sedih. Jadi kalau kita sudah tahu dia seorang pekerja, sudah dapat kemalangan, namanya telah ada bertahun-tahun dicatit dalam buku harian tiap-tiap hari datang bekerja, tiba-tiba terdapat kemalangan, apa yang kita hendak cari red-tape lagi. Siapa mahu kepada sakit. Saya harap apa yang sedang berlaku kalau boleh pihak Kementerian berkenaan mengawasi betul-betul, kerana niat kita hendak tolong orang sebagaimana saya kata tadi tujuan matlamat besar ialah di masa dia dapat kemalangan dan kesusahan. Jadi kalau masa itu kita tak dapat menolong, kadang-kadang sampai anaknya besar 4, 5, 6 tahun, ini amatlah tidak berpatutan. Saya harap rayuan saya ini mendapat perhatian daripada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga sebagaimana saya katakan tadi segala apa yang saya seru dan rayu ini mendapat perhatian

daripada Kementerian yang berkenaan terutama kepada pekerja-pekerja industri yang mana gaji-gajinya patutlah dikaji memandangkan keadaan hari ini. Kita tahu gaji buruh dalam sektor swasta, kita tahu mereka tak berpencen dan mereka bekerja dalam satu tempat yang berlainan daripada tempat kita bekerja, kerap kali yang dikatakan buruh ataupun satu kumpulan pekerja yang bekerja dengan industri jarang sangat duduk dalam hawa dingin, kerap kali tempatnya panas dan tidak pula dapat pencen. Jadi saya berharap dapat ditimbang dengan sewajarnya untuk dikaji gaji buruh-buruh itu. Kalau di masa yang lepas misalnya \$6-\$7 sehari tetapi hari ini ianya tak sesuai, mereka bekerja lebih daripada tempat-tempat lain, kerana mereka bekerja dalam tempat yang tidak berhawa dingin dan tidak mempunyai tempat teduh, kerap kali tempatnya panas. Begitu juga mereka itu bekerja selalu dilindungi dalam kemalangan, apatah lagi mereka tidak berpencen. Maka dengan sebab itu, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji balik tiap-tiap industri baik di mana sekali pun—setengah industri itu kita berasa amat dukacita. Kita tahu yang kilang-kilang itu dapat untung, tetapi keuntungan mereka tidaklah akan dapat kecuali kalau dengan tidak ada pekerja, walaupun ada kuasa elektrik tetapi ini kita tak nafi kerana tenaga manusia juga amat perlu; daripada mana kita dapat untuk salah satu daripada ikhtiar dan kerjasama daripada buruh-buruh itu. Kepada mereka itu patutlah diberi gaji yang sewajarnya mengikut keadaan. Kalau semua peringkat gaji sudah naik—Wakil Rakyat pun naik, gaji pegawai naik, gaji buruh tetap tak boleh dapat pencen dan selalu menghadapi kemalangan dan kepayahan, saya berharap ini patut kita timbang.

Jadi kepada orang susah ini patut kita ambil perhatian terutama dari segi perikemanusiaan, kerana ini amatlah baik. Maka dengan itu saya menyokong peruntukan yang diminta.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bharu.

3.46 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Bharu): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka 466, Butiran 1100, Aktiviti 4 (h) iaitu mengenai Perkhidmatan Pekerjaan di Semenanjung Malaysia.

Sebagaimana yang kita semua maklum dalam kebanyakan Kementerian dan juga jabatan yang memberi perkhidmatan dan juga pembangunan ke luar bandar maka yang kurang terdengar sekali adalah Jabatan Buruh ataupun Kementerian Buruh ini. Sebab nampak gayanya banyak perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Buruh ini ditumpukan ataupun nampak ditumpukan ke kawasan-kawasan bandar sahaja dan orang luar bandar yang begitu memerlukan pertolongan kurang sekali dapat menikmati dari segi perkhidmatan yang diberi oleh Kementerian Buruh ini ataupun jabatan-jabatan yang di bawahnya.

Saya ingin mengesyorkan supaya satu bidang yang Kementerian Buruh boleh memberi perkhidmatan khasnya kepada penduduk luar bandar adalah di atas perkhidmatan pekerjaan ini, kerana sebagaimana yang kita tahu di kawasan luar bandar inilah yang terdapat banyak sekali masalah yang begitu rumit iaitu pengangguran malahan di kawasan saya sendiri baru-baru ini dalam satu penyelidikan yang saya buat terdapat anak-anak Melayu di kampung-kampung pedalaman sudah 4 tahun yang lulus Gred II atau Gred I juga tetapi sehingga sekarang belum dapat pekerjaan. Sungguhpun di kawasan bandar ini boleh dikatakan paling lama setahun, selepas itu mungkin semua akan dapat pekerjaan. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pejabat pekerjaan Kerajaan ini diadakan di tiap-tiap daerah dalam negara ini ataupun sekurang-kurangnya di tiap-tiap tempat di mana ada Jabatan Buruh dan sebagai permulaan saya juga ingin mengesyorkan supaya pengurus Jabatan Pekerjaan ini janganlah tunggu di pekan sahaja tetapi sebagai permulaan adakan kegiatan untuk melawat ke kampung-kampung di mana mereka boleh memberi penerangan tentang bagaimana cara hendak mendaftar dan di sana mendaftarkan penganggur-penganggur ini dan juga khasnya mengenai butir-butir iaitu bagaimana hendak membaharui balik pendaftaran itu. Setengah orang itu dia daftar sekali dia balik tunggu panggilan kerja tetapi setahun

dua tahun tak datang dan pendaftaran telah luput, dia tak tahu bahawa pendaftaran itu perlu dibaharui dari semasa ke semasa.

Jadi saya ingin mengesyorkan supaya jabatan ini menghantar pegawai-pegawainya ke luar bandar khususnya sebagai permulaan untuk memberi penerangan yang lengkap dan juga menjalankan kegiatan pendaftaran ini.

Satu lagi bidang, Tuan Pengerusi, yang saya rasa pihak Kementerian boleh menolong penduduk-penduduk luar bandar khususnya dan sedikit sebanyak meorientasikan sumbangannya dan juga perkhidmatannya iaitu kepada luar bandar dari bandar selama ini, iaitu dalam bidang Pusat Latihan Perindustrian. Jadi sebagaimana saya dapati di dalam mukasurat 479, di Kedah ini kalau tidak salah saya tidak ada satu pun lagi Pusat Latihan Perindustrian dan ada satu cadangan di sini iaitu Pusat Latihan Perindustrian, Alor Setar, tidak ada langsung peruntukan diminta. Jadi ini satu bukti yang nyata sekali bahawa satu negeri yang begitu mundur dan miskin yang begitu banyak memerlukan pertolongan tetapi tidak ada langsung usaha Kementerian ini untuk mengadakan pusat-pusat seperti ini.

Saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan mengadakan dengan secepat mungkin Pusat Latihan Perindustrian ini di Alor Setar dan kalau bolehnya saya ingin juga mengesyorkan supaya pihak Kementerian mengadakan satu lagi Pusat iaitu di Kulim, di selatan.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita semua maklum Kulim sekarang sedang pesat membangun, khususnya kawasan industrinya oleh sebab di Pulau Pinang dan juga di kawasan industri di Butterworth sudah pun rasa saya sampai ke tahap saturation point, dengan izin, maka kalaulah industri-industri hendak datang ke daerah itu terpaksa mereka pergi ke Kulim dan soal pekerjaan pun tidak menjadi rumit lagi di kawasan itu. Sekarang inipun sudahpun begitu pesat sekali Kulim menjadi tumpuan bagi pelabur-pelabur dari luar negeri. Oleh sebab itu, malangnya dalam pengalaman yang saya ketahui selama ini sungguhpun berbagai-bagai peluang pekerjaan terdapat dengan datangnya pelabur-pelabur ini di kawasan industri Kulim ini, malangnya semua peluang ini diambil oleh orang-orang dari Bukit Mertajam, Butterworth dan Pulau Pinang. Orang-orang tempatan kurang mendapat peluang khas oleh sebab kurangnya

tenaga kemahiran ataupun tenaga orang-orang yang sudah terlatih. Oleh sebab itu saya rasa perlu sangatlah Kementerian ini dalam usaha untuk menolong penduduk-penduduk luar bandar mengadakan satu Pusat Latihan Perindustrian.

Satu lagi saya rasa, Tuan Pengerusi, khidmat Pusat ini juga haruslah diperluaskan bukan setakat latihan perindustrian semata-mata tetapi juga diperluaskan untuk merangkumi juga kemahiran-kemahiran yang lain seperti dalam bidang pembangunan (construction) dan sebagainya. Setakat perindustrian tidak mencukupi saya rasa perkhidmatan Jabatan ini boleh diperluaskan lagi untuk merangkumi juga seperti yang diadakan oleh Pusat Latihan Kemahiran MARA. Tetapi MARA ini maklum sahajalah berbagai-bagai sekatannya, kurang peruntukan kewangan dan sebagainya, tetapi kalau usaha ini disalurkan menerusi Kementerian Buruh sudah tentulah peruntukan kewangan itu senang lagi diperolehi dari Kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.54 ptg.

Tuan Chan Teck Chan: (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh halaman 465, Aktiviti 1100, Program (2)—Buruh dan Perhubungan Perusahaan dan Program (3)—Keselamatan Pekerjaan.

Tuan Pengerusi, mengenai sistem perhubungan perusahaan saya langsung tidak boleh menerima satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Malaysian Employers Federation baru-baru ini yang berkaitan dengan kenaikan gaji dan collective bargaining, di mana di dalam penyata ini sungguhpun ada empat proposal, cadangan telah diutarakan tentang cara-cara untuk mengatasi inflasi yang ada berkaitan dengan kenaikan gaji yang diminta oleh kaum pekerja. Apa yang memeranjatkan saya apakah salahnya collective agreement dikaji semula kerana memandangkan keadaan kehidupan kaum pekerja. Adakah kerana mengkaji semula (review) atas collective agreement ini akan mengancam sistem perhubungan perusahaan sepertimana yang didakwa oleh Malaysian Employers Federation. Saya langsung tidak boleh menerima kerana memang dari segi undang-undang perjanjian collective ini memang tidak boleh

diubah atau dikaji semula atau rebargaining atau re-negotiate. Tetapi memandangkan gaji kakitangan Kerajaan sudah dikaji semula termasuk Wakil-wakil Rakyat, maka apakah salahnya bagi MEF bertolak-ansur dengan berasas kepentingan kehidupan kaum pekerja sebagai sumber pendapatan yang terbesar bagi mereka ini untuk mendapatkan kebebasan mereka daripada keadaan kehidupan yang serba salah itu. Bolehkah collective agreement mereka dikaji semula ini akan meruntuhkan atau menjatuhkan atau membebaskan sistem perhubungan perusahaan yang ada sekarang.

Dari pandangan saya langsung tidak akan menjejaskan malahan akan memperbaiki hubungan di antara pihak majikan dan pihak kaum pekerja termasuk pihak Kerajaan kerana dasar buruh (labour policy) dan juga dasar perhubungan perusahaan adalah perlu bercorak peri kemanusiaan, faktor-faktor kemanusiaan (human factor) lebih mustahak daripada faktor-faktor undang-undang. Itulah perlu diambil berat bahawa konsep-konsep perhubungan perusahaan yang termoden sekarang ialah bukan sahaja untuk menitikberatkan atau mementingkan kepentingan majikan sahaja. Satu konsep, satu sistem perhubungan perusahaan yang moden, yang adil ialah bagaimana memperseimbangkan kepentingan-kepentingan pihak majikan, pihak kaum pekerja dan kepentingan negara iaitu yang diwakili oleh pihak Kerajaan, maka saya di sini merayu bahawa Malaysian Employers Federation ini boleh timbang semula pandangan saya supaya collective agreement yang ditandatangani boleh dikaji semula dan sekim gaji mereka yang dibincangkan itu boleh diubah semula.

Satu faktor yang langsung saya tidak terima ialah sektor awam iaitu kakitangan Kerajaan dalam 10 tahun ini semenjak tahun 1970 sehingga tahun ini sudah naik 20%-30% gaji mereka, tetapi dalam swasta menurut MEF katanya gaji mereka sudah dinaikkan 50% hingga 100%. Nampaknya 100% lebih tinggi dari pihak Kerajaan dan MEF nampaknya tidak terus terang iaitu apa yang diwakili oleh MEF hanyalah terdiri kurang daripada 10% kaum pekerja yang ada mempunyai organisasi Kesatuan Sekerja. Bagaimana

pula nasib 90% kaum pekerja yang melebihi 4 juta labour forces yang ada di Malaysia tidak ada Trade Union Organisations.

Perkara itu tidak dibentangkan oleh MEF, maka yang hanya ada di bawah perlindungan Kesatuan Sekerja ialah lebih kurang daripada 10%. Jadi saya harap MEF tidak lagi mengeluarkan satu statement yang misleading yang mana bukan sahaja menentang konsep perhubungan perusahaan tetapi juga menentang keadaan yang sebenarnya yang ada di Malaysia. Maka saya tidak langsung menerima bahawa mengkaji semula atas collective agreement ini akan mengancam atau menjejaskan sistem perhubungan perusahaan. Di manakah logiknya saya tidak boleh nampak ada apa-apa logik bahawa dari segi undang-undang memang saya bersetuju tidak boleh diubah, tetapi dari segi faktor kemanusiaan (human factor) kalau pekerja tidak boleh hidup, bolehkah kilang berjalan? Bolehkah barang-barang dikeluarkan tanpa pekerja? Langsung tidak boleh. Tanpa pekerja bolehkah pihak MEF boleh mencari keuntungan? Tidak boleh. Segala keuntungan, segala hasil pendapatan semuanya adalah daripada tenaga buruh, daripada kaum pekerja, memang capital dan raw material sangat mustahak tetapi tanpa bantuan, tanpa sumbangan dari kaum pekerja saya yakin satu benda pun tidak akan jadi. Saya harap perkara ini boleh diambil berat dan saya juga merayu MEF boleh mengubah sikapnya yang begitu selfish dan shortsighted ini.

Perkara yang kedua ialah mengenai Keselamatan Pekerjaan (Occupational Safety). Tuan Pengerusi, saya merasa sangat kesal selama ini, jika saya tidak silap, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat masih tidak boleh mengeluarkan satu senarai mengenai penyakit-penyakit yang berpunca daripada keadaan pekerjaan mereka iaitu mengenai occupational hazard. Selama ini yang saya kaji Kementerian tidak boleh senaraikan apakah faktor-faktor yang selalu boleh membawa occupational hazard seperti di kilang elektronik satu hazard yang boleh mengancam mata mereka yang selalu ada membawa kes-kes hysterical, di kilang-kilang kain printing and textile firm di mana flying cotton dyestuff dan suara yang boleh merosakkan keadaan kesihatan manusia dan juga di kilang-kilang kimia apakah bau dan suasana panas itu akan mengancam keselamatan dan kesihatan kaum pekerja.

Di sini nampaknya, mungkin saya silap, selama ini tidak ada satu kajian yang mendalam dan menyeluruh yang telah dijalankan oleh Kementerian atau Industrial Health di bawah Kementerian Kesihatan tentang apakah jenis-jenis penyakit baik long term effect atau short term effect yang boleh mempengaruhi kesihatan kaum pekerja yang berpunca daripada keadaan pekerjaan (working environment) mereka. Selama ini saya tidak nampak usaha-usaha ini telah dijalankan.

Apa yang saya dapat baca ialah dari Kertas Kerja yang dibentangkan oleh seminar-seminar atau simposium di ASEAN atau di Singapura, Indonesia, Philippines tetapi di Malaysia memang saya baca satu dua Kertas Kerja sahaja. Tetapi apakah kajian di Malaysia umpamanya percentage kaum pekerja di kilang dan kuari, apakah penyakit mereka di textile, elektronik, chemical factories dan lain-lain, langsung tidak ada satu laporan tentang kadar kaum pekerja Malaysia yang ada ditimpa penyakit-penyakit yang boleh dibawa umpamanya di textile firm kalau selalu berdamping dengan dyestuff; sejenis dyestuff di Europe boleh dikesen sebagai "bladder cancer" iaitu sejenis penyakit kaum lelaki, tetapi di Malaysia adakah kajian-kajian ini sudah dijalankan?

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Saya harap Kementerian Buruh boleh mengubahsuakan dasarnya khasnya di bidang occupational health and industrial safety boleh menubuhkan satu badan yang lebih berkesan untuk mengesan penyakit-penyakit yang senang mengancam kesihatan dan keselamatan kaum pekerja. Jangan satu masa umpamanya 10 atau 20 tahun baru kita kesan sejenis penyakit adalah berpunca daripada keadaan pekerjaan, barulah Kerajaan ambil tindakan—ini sudah terlambat. Maka saya adalah mencadangkan bahawa Kementerian Buruh boleh dengan serta-merta mengambil satu tindakan yang positif untuk menjalankan satu kajian yang menyeluruh dan mendalam terhadap tiap-tiap kilang apakah unsur-unsur di dalam keadaan pekerjaan mereka boleh membawakan occupational hazard terhadap kesihatan manusia.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

4.05 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, I rise to participate on the estimates for the Ministry of Labour and Manpower wherein this House has been requested to approve a sum of \$49,431,080 being operating and development expenditure for the Ministry for next year and I wish to refer to Maksud B. 50, Butiran (Kod) 1100, Program (2) Buruh dan Perhubungan Perusahaan (a) Jabatan Buruh, Semenanjung Malaysia and also Program (6) Penguatkuasaan Undang-undang Kesatuan Sekerja.

Mr Chairman, numerous announcements have been made by Government leaders in the past to the effect that the labour laws would be extended to cover Sabah and Sarawak to enable the workers of these two States to enjoy their benefits. I regret that todate the Government has not positively indicated when the laws would be extended to Sabah and Sarawak. Every day of delay would mean more frustration to the workers of the two States.

There is a need to amend the Workmen's Compensation Ordinance of Sabah. Presently, the Ordinance, which has been in existence since 1955, provides for a compensation of \$7,200 in the event of death. This is a paltry sum when compared to the compensation of \$14,400 paid in Peninsular Malaysia. I call on the Government to take immediate steps to amend the Workmen's Compensation Ordinance of Sabah and Sarawak with the view to increase the benefits paid to workers.

Mr Chairman, the employment of foreign workers, especially Filipino refugees and illegal immigrants from Indonesia, is cause for grave concern. I do not deny there is a shortage of workers in plantations caused by migration of people from the rural areas to the towns who are lured by the higher living conditions and better wages. Also, our citizens are leaving the country in droves to work in Singapore, Christmas Island and in the Middle East, as they are lured by the higher wages offered in these countries. However, the employment of Filipino refugees and illegal immigrants from Indonesia has created a lot of problems, especially

security problems. Crime rate has gone up. We read almost daily in the papers of crimes purported to have been committed by them.

Mr Chairman, what I fail to understand is that why the Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants are allowed to enter our country to work with so much ease when our own citizens from Semenanjung Malaysia who enter to work in Sabah are subjected to so many conditions and restrictions. West Malaysians working in Sabah have to apply to renew their work permits annually. This is causing a lot of headaches, frustrations and anxieties. I am told it is now the policy of the State Government not to renew the work permits of certain category of workers, especially truck drivers working for timber companies. I am given to understand that the Berjaya State Government has directed that Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants be given the jobs instead.

What kind of a policy is this? Why are the authorities so bent on depriving West Malaysians, our own citizens, our own kind, job opportunities in their own country and instead provide employment opportunities to Filipino refugees and illegal immigrants from Indonesia? Charity, Mr Chairman, must begin at home. I urge the Government to look into this matter with a sense of urgency, as such a policy would create bitterness, alienation and frustration amongst our people and would cause a backlash, the magnitude of which would be disastrous to the country.

Mr Chairman, the Employment Ordinance, as amended early this year, provides that bonus be incorporated as part of wages and that overtime payment be based on the enhanced wages of the employees. I regret that several employers are deliberately misinterpreting the new laws and continue to pay overtime based on the old rates. I call on the Ministry of Labour and Manpower to take firm steps to ensure that employers do not flout the law.

Mr Chairman, it is provided under the labour laws that transfer of staff within a company is not subject to negotiation. While I agree that the management be given a free hand in the smooth running of the company, nevertheless they should not use this as an opportunity to punish and victimise employees who hold trade union positions. This

practice in fact is prevalent not only in the banking sector but in other sectors as well. Experienced staff who hold trade union posts are sometimes transferred to another department to do jobs that are normally done by junior staff. This creates frustration and eventually compels them to resign from their trade union posts. I urge the Minister concerned to take note of this practice by employers and ensure that employers do not circumvent the law to punish employees, especially those holding trade union posts.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pagoh.

4.11 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya juga bangun dalam menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Ada beberapa perkara yang ingin saya sebutkan di sini untuk mendapat perhatian daripada pihak Kementerian.

Tuan Pengerusi, di dalam perkara Maksud Bekalan B. 50 di bawah Butiran 1100—Gaji dan upahan, Program 1—Pentadbiran Am. Perkara yang kerap dibangkitkan dalam hal masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum pekerja-pekerja di dalam ladang-ladang yang ada di dalam negara kita pada hari ini ialah perkara yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan yang patut disediakan oleh majikan khususnya di ladang-ladang kepada kaum pekerja. Beberapa hari yang lalu yang Berhormat Timbalan Menteri telah menegaskan tentang adanya satu ordinan di mana majikan-majikan di ladang-ladang disyarat dan diwajibkan di bawah ordinan tersebut memperuntukkan kemudahan-kemudahan perumahan yang minima bagi para pekerja.

Saya ingin mencadangkan supaya ordinan yang berkenaan itu dikaji semula dan dipinda sebab mengikut peruntukan yang ada di dalam ordinan tersebut syarat-syarat yang dikenakan kepada kaum majikan adalah amat minima dan tidak bersesuaian lagi dengan keadaan taraf dan juga kehendak dan kemudahan-kemudahan yang patut disediakan kepada kaum pekerja. Umpamanya rumah-rumah (quarters) tempat tinggal bagi para pekerja di estet terlalu kecil. Kemudahan-kemudahan bekalan-bekalan air, api berkurangan dan terdapat juga di mana keluarga daripada pekerja-pekerja ini yang

besar terpaksa hidup dan tinggal di dalam sebuah bilik yang kecil dan keadaan kemudahan-kemudahan ini saya yakin amat buruk sekali terutama dalam ladang-ladang yang kecil-kecil yang ada para pekerjanya di antara 100-200 orang.

Perkara yang pertama saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula ordinan yang memperuntukkan kemudahan perumahan yang minima kepada pekerja ini dan juga mencadangkan supaya kemudahan-kemudahan yang lebih diberikan kepada kaum pekerja bukan sahaja dari segi perumahan bahkan kemudahan-kemudahan yang lain terutama bagi menarik kaum-kaum pekerja di ladang-ladang yang tinggal di situ dan tidak timbul masalah sebagaimana yang dihadapi pada hari ini kekurangan pekerja-pekerja di dalam ladang-ladang.

Saya ingin mendapat perhatian istimewa daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang rancangan perumahan yang kerap disuarakan oleh kaum pekerja ladang di mana setakat ini hanya beberapa ladang besar sahaja telahpun memulakan rancangan menyediakan rumah-rumah untuk dijual atau dibahagikan kepada kaum pekerja. Umpamanya, di kawasan saya ada empat buah estet yang besar yang dimiliki oleh Syarikat Sime Darby dan juga Harrisons & Crossfield di ladang Lana Drone, Nodana, Cradilia, Ban Heng di dalam kawasan Pagoh yang setakat ini belum ada lagi ura-ura dikeluarkan untuk mengadakan rancangan perumahan di dalam kawasan tersebut. Saya ingin menyampaikan rayuan daripada para pekerja dalam ladang tersebut supaya rancangan perumahan yang sudahpun dimulakan di kawasan lain itu juga dimulakan dalam kawasan yang saya sebutkan tadi.

Perkara kedua dalam Program (2)—Buruh dan Perhubungan Perusahaan. Saya harap pihak Kementerian haruslah mengambil tindakan tegas kepada para majikan yang sengaja tidak mahu menyebarkan maklumat tentang undang-undang yang telahpun dipinda baru-baru ini berhubung dengan pekerjaan iaitu Ordinan Pekerjaan yang telahpun diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini dan saya yakin inilah masanya yang patut Kesatuan-kesatuan Sekerja yang mewakili para pekerja di semua sektor menerangkan dengan lebih jelas kepada para pekerja akan peruntukan yang baru yang ada di dalam pindaan undang-undang ini sebab kebanyakan daripada tempat-

tempat yang pernah saya lawati di mana ada Kesatuan-kesatuan Sekerja mereka selalunya membicarakan tentang pindaan kepada Ordinan Kesatuan Sekerja yang melibatkan kedudukan mereka dalam kesatuan tetapi kurang sekali memainkan peranan untuk menerangkan kepada ahli-ahli kaum pekerja tentang apakah peruntukan baru dan kemudahan-kemudahan lain yang telah diperuntukkan dalam pindaan Rang Undang-undang itu yang bertujuan untuk memberi perlindungan yang lebih kepada kaum pekerja, kemudahan yang lebih dan berbagai perkara yang lain untuk kebaikan kaum pekerja. Ini amat kurang sekali dibuat bahkan di dalam kawasan saya sendiri memang ada tempat-tempat, kilang ataupun estet-estet di mana ada Kesatuan Sekerja tidak membuat satu pun Majlis penerangan tentang perkara-perkara yang baru diluluskan oleh Kerajaan. Ini telahpun diambil kesempatan oleh kebanyakan daripada majikan-majikan melengah-lengahkan, umpamanya baru-baru ini tentang patutnya majikan membayar elaun tanggungan kerja ataupun elaun lebih masa yang lebih mengikut kadar yang lebih yang telahpun diluluskan dan diperuntukkan di dalam Ordinan Pekerjaan dan ini sengaja dilengah-lengahkan dan adalah amat wajar sekali supaya pihak Kementerian melalui Jabatan Buruh yang ada di daerah-daerah memberikan penjelasan yang lebih luas kepada kaum pekerja tentang tambahan di atas kemudahan-kemudahan yang mereka perolehi dengan lulusnya Ordinan Pekerjaan baru-baru ini oleh Parlimen.

Di dalam perkara yang sama juga kerap dibangkitkan tentang tidak adanya Kesatuan ataupun tidak dibenarkan setakat ini mereka yang menjadi pekerja di dalam kilang-kilang elektronik untuk menubuhkan Kesatuan-kesatuan Sekerja. Saya memahami hakikat ini kerana ada diperuntukkan di bawah taraf perintis kepada syarikat-syarikat elektronik yang mengatakan bahawa pekerja-pekerja dalam bidang ini tidak boleh menubuhkan Kesatuan-kesatuan Sekerja dan oleh yang demikian satu perkara yang umum diketahui dalam syarikat-syarikat seperti syarikat elektronik ini pendapatan gaji dan bayaran serta kemudahan yang diberikan kepada kaum pekerja adalah amat minima sekali.

Saya percaya sudahlah sampai masa dan ketikanya supaya pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat merundingkan dengan

pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam mana-mana syarikat yang diberikan taraf perintis untuk membolehkan kalau tidak menubuhkan Kesatuan Sekerja, satu bentuk badan yang boleh mewakili kaum pekerja, dalam mengadakan kemudahan-kemudahan dan juga lain-lain perkara yang patut dipertimbangkan untuk keselisaan kaum pekerja.

Setakat ini memanglah sebagaimana pangumuman yang biasa dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Menteri yang berkenaan bahawa Kerajaan belum bercadang untuk membenarkan mereka yang bekerja dalam sektor elektronik menubuhkan kesatuan. Tetapi sekiranya kemudahan-kemudahan itu bagus dan gaji yang diberi lumayan maka saya percaya ini tidak perlu. Tetapi banyak suara-suara yang dikeluarkan dari kalangan pekerja-pekerja elektronik tentang masalah yang mereka hadapi, kesulitan-kesulitan dan patutlah pihak Kementerian memberi pertimbangan yang sewajarnya supaya keadaan kedudukan pekerja-pekerja di dalam kawasan-kawasan kilang-kilang elektronik ini diperbaiki lagi.

Dalam perkara Kemajuan Daya Tenaga Rakyat, Program (4) di bawah Jabatan Tenaga Rakyat—Urusetia.

Sebagaimana yang kita ketahui masalah besar yang dihadapi oleh negara, khususnya dalam bidang pekerjaan sekarang ini ialah tentang masalah kekurangan tenaga pekerja yang disebut dalam bidang perladangan dan juga bidang-bidang lain yang amat ditekankan oleh Kerajaan. Setakat ini apa yang kita ketahui tidak kurang daripada 100,000 tenaga pekerja diperlukan dalam bidang-bidang perladangan dan saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian apakah rancangan yang sedang diatitkan sekarang, jangka pendek dan jangka panjang mengatasi masalah ini.

Dalam perkara ini Kementerian mungkin dapat menimbangkan untuk mengadakan suatu usaha sama serantau dengan negara-negara ASEAN. Buat sementara waktu untuk menyalurkan atau mendapat bantuan daripada para-para pekerja yang mahir dan kurang mahir disalurkan secara rasmi melalui Kementerian ini. Kita banyak mendengar apa-apa perkara yang disebutkan tentang adanya pekerja-pekerja yang masuk secara tidak rasmi ataupun yang disebut haram.

Tetapi oleh sebab perkara yang dibangkit adalah perkara yang amat penting dan amat perlu diberi perhatian yang seberapa segeranya, saya percaya tindakan boleh diambil dengan mengadakan kerjasama yang lebih rapat dengan negara-negara ASEAN supaya membantu kita dalam bidang tenaga buruh khususnya dalam bidang perladangan pada hari ini.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Pada akhirnya, Tuan Pengerusi, saya menyokong atas peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Semerah.

4.21 ptg.

Puan Shariffah Dorah binti Mohamad (Semerah): Tuan Pengerusi, menyentuh B. 50, muka surat 465, Butiran 1100, Program (2) Buruh dan Perhubungan. Dengan adanya pindaan Undang-undang Buruh yang dibuat baru-baru ini banyak memberi pertolongan dan manfaat kepada pekerja-pekerja, tetapi nyata yang banyak mendapat faedah ialah pekerja-pekerja kilang dan ladang.

Saya berharap Kementerian akan juga mengambil tahu tentang agensi-agensi yang mengeksport buruh-buruh daripada negara ini ke negara-negara luar seperti Singapura dan juga ke negara-negara Asia Barat lainnya yang mana kita dengar banyak perkara-perkara yang tidak menyenangkan berlaku, terutama terhadap gadis-gadis dan wanita-wanita dan juga kepada agensi-agensi yang mengimport gadis-gadis atau wanita-wanita yang menjalankan transaction di antara lima buah negara ASEAN bagi memburuhkan tubuhnya dan tenaganya pada pelanggan-pelanggan manakala pendapatan yang lumayan dieksploitasikan oleh agensi-agensi yang bertopengkan mencari tenaga pekerja secara haram dan tanpa peri kemanusiaan. Semua agensi-agensi yang ingin menjalankan perkara yang seumpama ini selain daripada mengimport wanita atau gadis untuk diperdagangkan secara haram ini hendaklah berdaftar dan ada dalam makluman Kementerian Buruh sebelum mereka ini bertindak sebagai agensi mengimport dan mengeksport pekerja-pekerja. Saya juga berharap Kementerian Buruh hendaklah mempunyai peruntukan untuk mengambil tindakan ke atas perkara-perkara ini jika berlaku.

Saya menyentuh Butiran 1100 Program (3) Keselamatan Pekerja. Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa buruh adalah sentiasa terdedah kepada merbahaya. Kita biasa dengar pekerja-pekerja lombong mati hidup-hidup ditimpa tanah runtuh. Buruh membuat jalan dilanggar kereta atau digilis keretapi. Buruh binaan yang membuat kerja berat-berat dan bangunan tinggi yang selama ini bekerja dengan term: ada kerja ada gaji, tidak ada kerja tidak ada gaji patutlah dijadikan pekerja tetap memandangkan pembangunan di negara ini berjalan terus dan mereka ini sudah menjadi pekerja mahir. Dari itu mereka ini patutlah didaftarkan oleh Kementerian Buruh dan layak diberi EPF, Umpamanya, syarikat perumahan Sinar memerlukan 10 orang buruh untuk membuat 150 unit rumah dalam masa 2 tahun, syarikat ini hendaklah berhubung dengan Kementerian menyatakan dia dapat tender dan memerlukan 10 orang buruh dan buat perundingan berapa gaji dan caruman EPFnya, insuran kematangan dan lain-lain. Jika dia pindah kepada syarikat lain, syarikat itu akan meneruskan carumannya. Kementerian juga hendaklah mengadakan pengawasan dan penyeliaan kepada syarikat-syarikat atau badan-badan separuh Kerajaan yang menggunakan buruh tentang kemudahan-kemudahan keselamatan dan langkah-langkah waspada yang dijalankan oleh sebuah syarikat. Umpamanya, buruh-buruh hendaklah diarahkan menggunakan tali pinggang keselamatan dalam membuat bangunan-bangunan tinggi kerana pernah kejadian buruh itu jatuh terhempas ke dalam lubang lift setinggi 10 tingkat dan orang awam juga pernah mati ditimpa kayu ketika membuat bangunan PERKIM di Jalan Ipoh iaitu seorang budak sekolah menjadi mangsa dan juga seorang awam.

Saya berharap semua pihak syarikat yang akan menjalankan perkara semacam ini diarah oleh Kementerian Buruh bagi menjaga keselamatan dengan mendirikan pagar atau diberikan safety plank maknanya kalau dia jatuh tidak terus terhempas ke bawah. Bukanlah seperti hari ini, macam orang main sarkas pacak kayu bulat-bulat, sebatang-sebatang diikat dengan rotan. Jadi sebelum pekerjaan ini dijalankan penyelia ini hendaklah memeriksa bahawa semua langkah-langkah keselamatan pekerja dan keselamatan orang-ramai dalam keadaan terjamin.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh muka surat 479, P. 50 Butiran (2) Pusat Latihan Perusahaan dan Pusat Latihan Perindustrian.

Saya bangga dengan langkah-langkah yang telah dan yang akan dijalankan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat terutamanya dengan mengadakan pusat-pusat latihan perindustrian. Cuma yang saya ingin mendapat perhatian bahawa pusat-pusat latihan ini hendaklah disediakan dengan segala kelengkapan yang diperlukan supaya pusat ini benar-benar dapat membekal dan melahirkan pekerja-pekerja yang berkebolehan dan terlatih bagi menampung kegiatan dan kesuburan perusahaan dan perindustrian yang sangat-sangat menggalakkan di negara ini. Pada masa ini pusat latihan ini hanya memberikan latihan di bidang-bidang yang begitu terhad dan diharap satu-satu langkah yang hendak dibuat biar benar-benar memberi faedah bukanlah sekadar melepas batuk ditangga. Dengan ini, saya menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanah Merah; lepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.26 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 50 muka surat 465 Butiran 1100, Program (2) Buruh dan Perhubungan Perusahaan.

Tuan Pengerusi, sebagaimana juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pagoh tadi, saya ingin merujuk Kementerian Buruh dan tenaga Rakyat kepada keadaan-keadaan atau kemudahan-kemudahan yang terdapat di setengah-setengah estet-estet di negara kita ini. Di kawasan saya, Tanah Merah Kelantan, terdapat dua estet getah dan saya dapati masih lagi keadaan rumah, bekalan air, jalan dan kenderaan untuk anak-anak pekerja ke sekolah-sekolah adalah di bawah memuaskan. Saya dapati, Tuan Pengerusi, banyak lagi rumah-rumah yang telah dibina sebelum perang Dunia Kedua tetapi masih digunakan lagi. Saya tidak menafikan, Tuan Pengerusi, oleh sebab rumah-rumah tersebut masih lagi kuat ianya tidak boleh digunakan, tetapi kalau dikira dari segi keadaan sekarang dan kalau dikira dari segi bilangan keluarga ataupun bilangan sesuatu keluarga

itu maka rumah-rumah tersebut adalah terlalu kecil dan tidak begitu memuaskan dari segi kesihatan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, mengenai jalan-jalan yang kita dapati menghubungi di antara jalan besar ke jalan dalam estet tersebut adalah tidak memuaskan. Ini boleh jadi oleh sebab estet-estet tersebut tidak mempunyai kewangan ataupun sengaja tidak mahu membelanjakan kewangan mereka untuk membaiki jalan tersebut supaya lebih elok daripada yang wujud.

Saya mencadangkan kepada pihak Kementerian ini, pertama sekali diminta supaya berunding dengan estet-estet tersebut sekiranya dapat jalan-jalan ini dinaikkan taraf supaya mengadakan tar Kelas 'C' pun tidak mengapa. Tuan Pengerusi, sekiranya pihak estet-estet tersebut tidak berkemampuan maka saya minta pihak Kementerian ini berunding dengan pihak Kerajaan negeri ataupun berunding dengan pihak JKR supaya menolong mengetarkan jalan-jalan tersebut. Ini bukanlah perkara baharu. Walau bagaimanapun, oleh sebab keadaannya masih lagi wujud maka perlulah saya sebutkan di sini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, kadangkala mengenai bekalan air di tempat-tempat tersebut juga adalah tidak memuaskan, kerana kekurangan-kekurangan dalam sebuah estet di mana pernah saya sebutkan dua tahun yang lepas, bekalan airnya adalah daripada punca yang kotor dan apabila air itu ditakung, kadangkala lumpur yang terdapat di dalam tangki-tangki air itu saya sendiri telah melihat pada satu ketika kurang daripada 8 inci lumpur itu bermastautin di bawah atau paras yang paling bawah tangki air itu. Caranya saya faham bahawa kita adalah mempunyai berbagai-bagai ordinan, berbagai-bagai akta tetapi masalahnya yang timbul ialah masalah pelaksanaan.

Saya mengesyorkan supaya pegawai-pegawai daripada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ini hendaklah sentiasa melawat estet-estet untuk menentukan bahawa kemudahan-kemudahan asas ini hendaklah diperbaiki dan dijaga dari masa ke semasa, dan tidak cukup dengan mengatakan bahawa pegawai-pegawai Kementerian ini telah melawat sekali-sekala, tetapi hendaklah mengikut jadual, katakan dua bulan sekali atau tiga bulan sekali lawatan-lawatan hendaklah dijalankan. Alasan

kita kekurangan tenaga tidak menjadi masalah, kiranya tenaga diperlukan maka saya mencadangkan kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ini hendaklah ditambahkan supaya kesihatan dan kebajikan pekerja-pekerja ladang—buruh-buruh ladang yang memang daif itu dijaga dengan sepenuhnya.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, juga di bawah hal ini agaknya, saya ingin merujuk kepada berita-berita dua tiga bulan lepas mengatakan bahawa negeri Kelantan kekurangan buruh dan saya telah membuat persoalan dalam Dewan yang mulia ini dan didapati jawapan memang tidak ada kekurangan buruh atau tenaga buruh pembinaan di negeri Kelantan sama ada benar atau salah bukanlah menjadi masalah kepada saya, tetapi daripada penyelidikan saya sendiri secara sekali imbas, saya dapati pada hakikatnya buruh-buruh sama ada pembangunan ataupun buruh-buruh lain di negeri Kelantan tidak sepatutnya kurang tetapi oleh sebab buruh-buruh ini kadangkala diberi gaji yang begitu rendah maka terpaksa, mereka memilih ke Singapura daripada bekerja di negeri sendiri. Maka melalui Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sekiranya mempunyai kuasa setakat mana akta atau ordinan yang ada pada hari ini dan kiranya belum mempunyai kuasa, kuasa-kuasa hendaklah diwujudkan melalui akta-akta atau pindaan-pindaan akta yang tertentu iaitu untuk menyiasat dan melihat keadaan buruh yang bekerja sambil ataupun buruh yang bekerja secara kontrak dengan kontraktor-kontraktor sama ada kontraktor pembangunan atau sebagainya kerana kita dapati kadangkala buruh-buruh yang diberi gaji adalah tidak berpatutan.

Umpamanya, Tuan Pengerusi, siapakah buruh yang hendak bekerja kiranya gajinya tidak sampai \$10 sehari memandangkan kiranya pekerjaan itu dijalankan jauh daripada kawasannya sendiri, makan untuk dirinya sahaja satu hari \$5 tidak mencukupi apatah lagi kalau hendak menyara hidup anak dan isterinya di rumah. Jadi, inilah agaknya yang menjadi salah satu sebab kenapa tenaga buruh dikatakan tidak mencukupi oleh golongan kontraktor.

Kita sedar, Tuan Pengerusi, pemborong-pemborong atau kontraktor-kontraktor memerlukan profit margin yang tertentu tetapi

apalah salahnya 5% atau 2% daripada profit margin yang selalu didapati oleh kontraktor-kontraktor tersebut diberi kepada pekerja-pekerja dan ini tidak akan diberi dengan secara sukarela, kiranya tidak ada pengawasan, galakan hatta paksaan daripada pihak-pihak yang berwajib. Jadi apabila pihak Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menentukan supaya kerja-kerja dapat berjalan dengan betul siap pada waktunya maka hendaknya di masa yang sama Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat melihat akan kebajikan dan keadaan pekerja-pekerja yang bekerja dengan kontraktor-kontraktor tersebut supaya jangan oleh sebab kita hendak membangunkan negara ini terlalu cepat dan terlalu banyak kebajikan pekerja-pekerja yang membantingkan tulang siang dan malam dilupakan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga, saya ingin menyentuh muka surat 478, P. 50, Butiran 1—Pejabat-pejabat Buruh.

Saya juga ingin mencadangkan supaya hendaklah menjadikan dasar Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat supaya diwujudkan Pejabat-pejabat Buruh di tiap-tiap daerah. Mungkin buat sementara ini dari segi pisikal Pejabat-pejabat Buruh tidak dapat diwujudkan oleh sebab kewangan dan sebagainya maka dengan cara demikian, saya mencadangkan supaya hendaklah buat permulaan Kementerian ini menyewa atau menumpang satu meja dengan Pejabat-pejabat Daerah untuk mewujudkan Pejabat Buruh dan Tenaga Rakyat walaupun tidak tenaga rakyat bahagian buruh sahaja dan kalau pun tidak buat permulaannya bagi tiap-tiap daerah, dengan cara demikian, maka tidaklah menjadi kesusahan kepada rakyat di luar-luar bandar untuk mendaftarkan nama mereka mencari pekerjaan. Sekurang-kurangnya wujudkan Pejabat Pekerjaan di bawah cawangan Kementerian ini di tiap-tiap daerah yang saya sebutkan tadi. Ini apatah lagi apabila pada tiap-tiap 6 bulan sekali mereka yang mencari pekerjaan itu terpaksa mem-baharui pendaftaran mereka. Jadi ini adalah menjadi kerumitan misalnya, bagi kawasan-kawasan seperti kawasan saya Tanah Merah di Kelantan, paling hujung Tanah Merah dengan kota Bharu tidak kurang daripada 60 atau 70 batu maka memanglah susah bagi mereka itu hendak berulang alik dari satu tempat ke satu tempat hendak mendaftarkan

nama, mungkin pada hari yang pertama ke Kota Bharu belum dapat didaftarkan lagi kerana terpaksa menunggu giliran kononnya.

Selepas itu pula apabila hendak mem-baharu pendaftaran mereka itu maka terpaksa pula sekali lagi turun ke Kota Bharu 70 batu. Walaupun 70 batu ianya tidak dapat dianggapkan seperti di antara Kuala Lumpur dengan satu tempat yang lain 70 batu di mana keadaan kenderaan terdapat kemudahan seperti mana yang dapat di Kuala Lumpur dan tempat-tempat yang lain. Kerana di dalam kawasan saya daripada hujung kawasan Tanah Merah hendak ke Kota Bharu sekurang-kurangnya terpaksa mengambil tiga kali kenderaan. Ini tidak termasuk kalau perlu berjalan kaki.

Jadi, dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya benar-benarlah mengharapkan supaya hendaklah menjadi dasar atau matlamat akhir Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat supaya tiap-tiap daerah dalam negara ini mempunyai satu Pejabat Buruh sekurang-kurangnya untuk dijadikan tempat rakyat mendaftar sebagai bakal-bakal pekerja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan belanjawan ini. Saya akan mencuba memberi jawapan atau ulasan seberapa yang boleh mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada membangkitkan tiga perkara iaitu keselamatan pekerja. Beliau telah mengadu bahawa dalam seluruh negara ada lebih dari 50,000 kemalangan pada setiap tahun. Mengikut bilangan yang ada di sini, keadaan sebenar adalah lebih baik. Bilangan yang ada di sini menunjukkan tahun 1978, bilangan kemalangan ialah 50,152 dan melibatkan pekerja 4.89%. Tetapi dalam tahun 1979 kemalangan ini sudah turun dari 50,152 kepada 49,229 dan pekerja yang

terlibat dalam kemalangan itupun telah turun juga sampai cuma 3.93%. Beliau mencadangkan supaya patut diadakan satu undang-undang mengawal keselamatan pekerja.

Kementerian saya telahpun mengkaji dengan teliti hal ini tetapi pada masa ini Kementerian saya tidak bercadang membuat apa-apa undang-undang baru. Alasan Kementerian saya ialah keadaan ini lebih sesuai lagi jikalau kami cuma tubuhkan satu Jawatankuasa Keselamatan di tiap-tiap kilang-kilang dengan sukarela. Dan mengikut laporan yang Kementerian saya dapat, di seluruh negara kita sekarang ada lebih dari 60% kilang-kilang ada mempunyai Jawatankuasa Keselamatan. Pihak Kementerian saya pun juga ambil berat di atas perkara ini supaya boleh dinasihatkan kedua-dua pihak; pihak majikan dan pihak pekerja-pekerja supaya mereka boleh ambil perhatian di atas kepentingan keselamatan mereka itu.

Tuan Pengerusi, mengenai pesakit di dalam kilang-kilang, Kementerian saya pun ada menjalankan kajian-kajian dan ada melawat beberapa kilang-kilang di dalam tiap-tiap tahun dan Kementerian saya sedang utamakan kelengkapan-kelengkapan yang sesuai supaya boleh mengkaji dengan mendalam di atas perkara ini dan kami ada berhubung dengan Kementerian Kesihatan, Jabatan Kimia dan lain-lain badan supaya boleh ditentukan apa penyakit akan boleh dilibatkan dari kilang-kilang itu. Kementerian berharap kajian ini boleh dapat diselesaikan tidak lama lagi supaya satu tindakan yang lebih sesuai boleh diambil.

Mengenai keselamatan pekerja di bidang binaan, Kementerian saya memang sedar hal ini dan sekarang ada bercadang supaya boleh buat satu peraturan di atas hal ini supaya boleh mengawal lebih dekat lagi dalam hal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar ada membangkitkan pemimpin pekerja-pekerja dalam kesatuan-kesatuan itu cuma merupakan satu-dua kaum sahaja. Sebenarnya kesemua kesatuan ini adalah terdiri dari berbagai bangsa dan pemilihan pemimpinnya itu adalah mengikut aturan tertentu dan

mengikut rekod-rekod yang ada di sini berbilang kaum ada menjadi Pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja.

Beliau itu juga menyentuh beberapa pekerja yang tidak mahir di dalam kaum bumiputra. Perkara ini Kementerian saya pun memang sedar dan rancangan-rancangan kami sedang ada sekarang dan akan dilancarkan di masa akan datang serta diambil berat hal ini. Di mana-mana latihan-latihan perindustrian ini mengambil penuntut-penuntut untuk dimasukkan ke sekolah latihan, lebih peluang adalah diberi untuk bumiputra.

Beliau ada juga membangkitkan mengenai pampasan untuk kemalangan adalah terlampau lambat dibayar, kadang-kadang sampai 4-5 tahun. Mengikut apa yang saya tahu, tidak ada satu kes boleh sampai begitu lama. Saya harap jikalau Ahli Yang Berhormat itu ada kes yang spesifik silalah bawa perkara itu ke Kementerian saya. Biasanya tiap-tiap satu kes kemalangan boleh dapat diselesaikan di antara 1-2 bulan. Jikalau ada apa-apa kes yang susah, barangkali ada mengambil masa lama sedikit tetapi tidaklah pernah sampai 4-5 tahun.

Beliau juga membangkitkan perkara gaji-gaji untuk pekerja-pekerja adalah terlampau rendah. Ini adalah satu perkara, tetapi kami sekarang tidak ada bercadang membuat apa-apa undang-undang menetapkan satu gaji minima, tetapi mengikut keadaan sekarang yang ada di negara kita ini ialah kekurangan tenaga rakyat. Jadi mana-mana majikan yang tidak dapat menaikkan gaji itu mestilah susah dapat pekerja. Kami berharap dengan ini majikan-majikan perlulah ingat juga mesti menambahkan gaji pekerja-pekerja supaya boleh dapat menarik lebih pekerja kepada mereka itu. Tetapi di bawah Undang-undang Ordinan Pekerja keadaan pun sudah ada baik di mana ada ditentukan di dalam undang-undang itu bonus ada diambil kira di atas overtime dan lain-lain faedahpun telah ditambah.

Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru ada membangkitkan perkhidmatan pekerjaan kurang di luar bandar dan beliau mencadangkan supaya tiap-tiap satu daerah ada satu pejabat untuk maksud ini. Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu. Di sini saya boleh menjelaskan, selain dari 48 buah Pejabat Perkhidmatan Pekerjaan di seluruh

negara ini, kami masih bercadang supaya ditambah lagi kakitangan di tiap-tiap pejabat itu supaya pegawai-pegawai itu boleh melawat lebih lagi di luar kawasan di mana terdapat pejabat itu dan Kementerian saya pun sudah mengaturkan publisti yang lebih supaya bila pegawai-pegawai kami melawat ke luar bandar boleh diterangkan kepada pencari-pencari kerja itu supaya mereka boleh tahu di manakah boleh mendaftarkan diri. Pegawai-pegawai saya di bawah Kementerian Buruh inipun boleh memberi nasihat-nasihat kepada pencari-pencari kerja di atas pemilihan kerja mengikut mana yang sesuai kepada mereka itu. Oleh sebab pada masa ini Kementerian saya masih kekurangan pegawai yang mahir dan Yang Berhormat Menteri pun ada meminta ditambah lagi pegawai untuk maksud ini. Saya harap di masa akan datang di mana-mana daerah yang masih kekurangan pegawai berkhidmat, bolehlah dapat dipenuhkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru ada juga membangkitkan, mengenai Instituti Latihan Perindustrian di Alor Setar di mana Kementerian saya cuma memohon \$10. Sebenarnya ini adalah satu rancangan yang sudah dimulakan beberapa tahun dahulu dan sekarang Kementerian saya sudah berhubung dengan Kerajaan Negeri meminta tanah supaya boleh ditubuhkan instituti ini dan diharap dengan bertambahnya peruntukan dari Kerajaan, instituti ini boleh ditubuhkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Buat masa sekarang Kementerian saya tidaklah bercadang membuat satu lagi tambahan Instituti Latihan Perindustrian di Kulim Bandar Bahru seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, oleh sebab kami rasa sebuah instituti di Alor Setar ini pun boleh cukup meliputi kawasan di bandar Kulim juga.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada membangkitkan pegawai dalam Malaysian Employers Federation di atas Perjanjian Bersama. Saya tidak boleh memberi apa-apa jawapan bagi pihak MEF ini, tetapi apa yang saya boleh jawab di sini ialah, saya rasa Perjanjian Bersama ini apabila sudah ditandatangani oleh kedua-dua pihak dan diakui oleh Mahkamah Perusahaan, ini sudah menjadi satu dokumen di bawah undang-undang melainkan kedua-dua pihak bersetuju supaya berunding semula yang perjanjian ini

mesti dikuatkuasakan. Tetapi saya dapat tahu juga ada beberapa pihak dapat mengkaji semula biarpun Perjanjian Bersama masih berjalan. Ini terpulanglah kepada pihak pekerja dan pihak majikan.

Beliau juga ada menyentuh mengenai keselamatan pekerja. Apa yang saya boleh jawab di sini ialah serupa juga dengan apa yang saya katakan tadi sewaktu saya menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Selain dari itu, Kementerian juga sedang membuat satu peraturan yang dinamakan Factory and Machinery (Building Construction and Works of Engineering Nature) Regulations. Saya harap ini boleh digezetkan tidak lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan ada juga menyentuh beberapa perkara. Pertama mengenai Undang-undang Ordinan Sekerja untuk dipanjangkan sampai ke Sabah dan Sarawak. Perkara ini Kementerian saya sedang menjalankan dan saya suka menjelaskan di sini, Kerajaan Persekutuan mestilah mendapat persetujuan dari Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan ini akan mengambil sedikit masa, tetapi kami sedang menjalankan perkara ini. Dan Ordinan Pampasan Pekerjaan ini telahpun saya jawab di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali. Ini akan dipanjangkan ke Sabah dan Sarawak tidak lama lagi dan semua jentera pentadbiran sudah disediakan cuma menunggu perkara ini digezetkan.

Beliau juga ada menyentuh tentang pelarian Filipina diberi kerja di Sabah. Ini memanglah tujuan Kerajaan supaya mereka ini boleh buat sedikit perkara yang berfaedah untuk dirinya sendiri walaupun mereka itu pelarian.

Beliau juga menyentuh tentang pekerja-pekerja dari Semenanjung Malaysia tidak dapat membaharui "work pass" mereka itu. Saya rasa perkara ini bukanlah di bawah tanggungjawab Kementerian saya atau di luar kuasa Kementerian saya dan ini adalah satu perkara di bawah kuasa Imigresen.

Beliau ada mengatakan juga beberapa ramai majikan telah melakukan "victimization" atau penganiayaan terhadap pekerja-pekerja mereka. Jika Ahli Yang Berhormat itu ada membaca sedikit undang-undang beliau boleh dapat tahu di bawah Seksyen

4 di bawah Undang-undang Perhubungan Perindustrian ada ditetapkan dan jika ada hal yang demikian bolehlah dilaporkan kepada Pejabat Buruh supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh ada menyentuh tentang pekerja di ladang-ladang yang mana telah diperuntukkan rumah-rumah dan lain-lain kemudahan yang tidak mencukupi dan beliau ada mencadangkan supaya Kementerian meminda akta yang ada sekarang iaitu Akta Piawai Minima Perumahan Pekerja. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu dan pandangan itu adalah baik dan Kementerian saya di masa ini sedang mengkaji supaya boleh mengubah suai akta itu.

Seperti saya ada menjelaskan di Dewan ini di bawah Akta Piawai Minima Perumahan Pekerja. Kementerian saya atau Kerajaan pun tidak diberi kuasa boleh memaksa semua majikan memperuntukkan rumah-rumah atau lain-lain kemudahan-kemudahan. Oleh sebab itu, Kementerian saya tidak boleh memaksa majikan-majikan berbuat demikian. Walau bagaimanapun, Kementerian berharap apabila akta ini dipinda dengan lebih sesuai dan melalui beberapa langkah yang telah diambil, Kementerian akan menyeru kepada majikan untuk memberi lebih lagi kemudahan-kemudahan yang sesuai dan menguatkuasakan akta ini dan untuk faedah majikan sendiri supaya menarik pekerja memasuki ladang-ladang mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh juga ada menyentuh berkenaan Ordinan Pekerjaan di mana ada beberapa majikan tidak ambil peduli atau tidak mengikut peruntukan di bawah undang-undang itu dan juga beliau ada mengatakan pihak pegawai Kementerian saya tidak cukup memberi penjelasan. Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, Kementerian saya sebenarnya ada membuat beberapa penjelasan setiap hari jika pekerja-pekerja atau kesatuan-kesatuan minta penjelasan. Jika ada kes-kes tertentu di mana majikan itu tidak mengikut undang-undang, saya harap kes-kes itu bolehlah dilaporkan kepada Pejabat Buruh supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Beliau juga ada menyentuh kenapa pihak pekerja dalam perindustrian letronik tidak dapat di "unionise". Sebenarnya pekerja di

dalam industri letronik ini boleh menubuhkan kesatuannya sendiri dan tidak ada undang-undang yang menghalang hal ini.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi, Yang Berhormat.

Tuan William Lye Chee Hien: Sedikit lagi. Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyentuh tentang kekurangan tenaga rakyat dan bertanya apakah rancangan Kementerian saya supaya dapat mengatasi masalah ini. Kekurangan tenaga rakyat ialah merupakan satu masalah yang besar di negara kita sekarang lebih-lebih lagi tenaga buruh yang mahir. Oleh sebab itu, Kementerian saya ada membuat beberapa rancangan menubuhkan beberapa buah institusi perindustrian di seluruh negara dalam tahun ini dan tahun hadapan dijalankan projek 3 buah institusi perindustrian itu dan Kementerian berharap di dalam Rancangan Malaysia Keempat boleh lagi ditubuhkan 5 buah pusat latihan.

Beliau ada memberi pandangan supaya Kementerian berhubung dengan negara-negara jiran kita untuk mengatasi kekurangan tenaga rakyat. Tentang hal ini adalah satu pandangan yang baik dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya, Kementerian saya ada berhubung dengan negara jiran di atas perkara ini. Malangnya, negara jiran seperti Singapura pun mengalami kekurangan tenaga rakyat. Perhubungan ini masih dijalankan dan saya harap hasil yang baik boleh di dapati seterusnya.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah menyentuh mengenai pekerja di Singapura, ini adalah satu perkara yang kami tidak boleh tahankan, tetapi apa Yang Berhormat itu cadangkan supaya kami mengadakan satu undang-undang bagi mencegah jika ada mana-mana pihak membuat apa-apa iklan di suratkhbar mengenai tawaran mengisi jawatan-jawatan kosong di Singapura itu.

Kementerian saya sedang membuat satu Rang Undang-undang dan sekarang adalah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Saya fikir semua Ahli-ahli Yang Berhormat pun ada diberi satu copy, iaitu Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta, 1980 dan kami harap ini boleh dapat diluluskan dalam minggu ini dan terus boleh dikuatkuasakan.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah ada juga menyentuh mengenai kekurangan rumah-rumah di ladang-ladang, saya juga sudah jawab tadi dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain itu saya tidak ada hendak tambah di sini dan pandangan mengenai Pusat Latihan Perindustrian pun telah saya jawab.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah pun ada menyebut mengenai perkara seperti itu juga di mana di ladang-ladang kekurangan rumah, bekalan air, elektrik dan lain-lain. Kami harap boleh dapat dikawal jikalau tidak dapat mengatasi perkara ini dan kami sedang mengubal Akta Piawaian Minima Perumahan Pekerja.

Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan supaya semua daerah-daerah di luar khususnya di luar bandar minta diletakkan seorang pegawai buruh supaya pekerja-pekerja senang berhubung. Ini adalah cadangan yang baik dan saya mengucapkan terima kasih kepada beliau itu, tetapi pada masa sekarang kami masih kekurangan pegawai dan kami cuma berharap di masa akan datang apabila kami boleh dapat menambah pegawai-pegawai, kami boleh berbuat demikian. Sementara itu Kementerian saya akan cuba supaya pegawai buruh itu boleh dihantar untuk melawat tiap-tiap daerah dengan lebih banyak lagi.

Tuan Pengerusi, saya fikir saya sudah jawab semua teguran-teguran dan jika ada perkara-perkara yang saya tidak dapat ulas atau beri jawapan di peringkat ini, saya ingin memberi jaminan bahawa semua perkara itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$36,661,000 untuk Maksud B. 50 di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$36,661,000 untuk Maksud B. 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$12,770,080 yang disebutkan dalam Maksud P. 50 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$12,770,080 untuk Maksud P. 50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1981.

Maksud B. 51 dan B. 52 (Jadual)—

Maksud P. 51 dan P. 52 (Anggaran Pembangunan, 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Maksud Perbekalan B. 51 dan B. 52, dan Maksud Pembangunan P. 51 dan P. 52 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sekarang terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.16 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Maksud B. 51, Butiran 1100, mukasurat 483, Program (3)—Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, dengan adanya industri di merata-rata kawasan di negara kita, maka udara kawasan sekeliling telah diliputi oleh bau-bauan yang busuk dan kekotoran air dan sungai-sungai, kadang-kadang membawa kepada kematian ikan-ikan.

Tuan Pengerusi, kita faham dengan adanya kilang-kilang perusahaan ini penganguran dapat dikurangkan sebab belia dan beliawanis dapat bekerja, tetapi petani di kawasan industri sungguh-sungguh kesal dan mengalami kerugian besar, sebab air asid dari kilang-kilang bateri dan kilang-kilang tayar rubber dan juga kilang-kilang yang lain kadang-kadang mengalir ke sawah padi dan merosakkan sebahagian besar dari sawah-sawah di sini.

Saya tumpukan kepada kilang-kilang di Tikam Batu, kalau tidak salah saya pada 2-3 bulan yang lepas telah dimasukkan dalam akhbar dan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri perkara ini telah dibangkitkan oleh sebab kerugian pada petani-petani di kawasan itu.

Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan supaya pihak Kementerian ini menghantar-kan pegawai-pegawai menyiasat dan mengarah supaya suatu cara dapat dibuat supaya air asid atau sisa-sisa dari kilang-kilang ini dapat dibuang ke tempat-tempat lain ataupun dibuat cara parit besar disalurkan air ini supaya air ini dapat mengalir dalam satu aliran yang baik, tidaklah air ini tidak tentu arah pergi ke sawah-sawah petani-petani yang berdekatan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, nelayan-nelayan kita juga ada membuat surat kepada Kementerian ini dari Sungai Layah, surat tersebut menyatakan pencemaran air di Sungai Merbok dan di Sungai Layah dan nelayan-nelayan itu menyatakan mata pencarian mereka ialah dengan tangkapan ikan. Saya harap Kementerian ini akan bertindak di atas perkara ini.

Lagi satu Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P. 51, Butiran 3—Zoo Negara, mukasurat 487. Di masa cuti ini kadang-kadang teringatlah ibu-ibu hendak membawa anak-anak itu melihat binatang-binatang di Zoo Negara kita ini, tetapi baru-baru ini kita nampak binatang-binatang itu sudahlah berkurangan dan kurus-kurus sahaja. Jadi saya ingat patutlah diberi makan kenyang-kenyang supaya anak binatang tadi kelihatan gemok, montel-montel . . .

Tuan Pengerusi: Binatang apa yang kurus ini. (Ketawa)

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Apa sahaja di situ kurus, Tuan Pengerusi, zirafahnya ataupun buaya-buaya itu pun kurus juga. Jadi saya rasa patutlah bahan-bahan makanan untuk binatang-binatang ini diberi, bukanlah susah sangat tidak seperti kita mesti pilih ikan, zat protin, macam gajah ini tebu yang dia suka, berilah banyak-banyak tebu.

Jadi saya ingat mungkin dengan penambahan binatang-binatang di Zoo Negara kita ini dan juga binatang-binatang yang lain, dapatlah anak-anak kita semasa dibawa ke sana bersukaria melihat binatang-binatang ini.

Setakat inilah sahaja dan saya harap dapatlah perkara ini diatasi. Sekian, terima kasih dan saya menyokong peruntukan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.21 ptg.

Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya bangun bersama-sama untuk menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh muka surat 483, Maksud B. 51, Butiran 1100, Program (4) Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini yang pertama sekali saya hendak menyentuh satu perkara yang kecil sahaja tetapi menimbulkan masalah yang besar kepada penduduk-penduduk di luar bandar terutama sekali petani-petani dan peladang-peladang iaitu berhubung dengan babi hutan.

Tuan Pengerusi, babi hutan ini adalah salah satu daripada binatang-binatang yang dipelihara. Saya dapat faham bahawa babi hutan ini dalam setahun sekurang-kurangnya dia beranak dua kali, dan pada tiap-tiap kali beranak 12 ekor. Seekor babi hutan boleh menghasilkan 24 ekor dalam setahun sekurang-kurangnya, mengikut mereka yang mengetahui. Jadi semenjak binatang babi hutan ini dipelihara maka banyakkah babi hutan ini bukan dalam kawasan hutan tetapi di belukar-belukar, di dalam kawasan-kawasan ladang, pertanian dan di kampung-kampung.

Maka menjadi satu masalah yang besar kepada petani-petani dan peladang-peladang di luar bandar, kerana babi-babi ini pada tiap-tiap malam datang merosakkan hasil pertanian. Umpamanya, dalam kawasan saya petani banyak menerima kerugian ialah daripada hasil ladang ubi kayu, kacang goreng, padi bukit, padi sawah, ubi keladi dan sebagainya lagi. Dengan sebab binatang ini tidak boleh disentuh, tidak boleh dibunuh, tidak boleh ditembak dan sebagainya maka ia hidup dengan bebas, kadang-kadang pada satu malam sahaja 3-4 ekar habis dimusnahkan. Oleh kerana di dalam kawasan saya ini pihak Mergastua pejabatnya di Batu Gajah maka hendak dilaporkan dahulu kepada Pejabat Mergastua Negeri bagaimana hendak menyelesaikan masalah babi yang memusnahkan hasil ini, 2-3 hari baru disiasat, dalam masa siasatan 3-4-5

ekar yang dipunyai oleh tiap-tiap seorang petani ini pun habis. Jadi bila Pegawai Mergastua datang tidak ada benda lagi yang hendak disiasat. Rakyat petani digalakkan oleh Kerajaan kita melalui Kementerian Pertanian supaya menanam untuk menambahkan hasil pertanian. Ini menjadi satu masalah yang besar.

Jadi dengan sebab itu, saya mengesyorkan dan merayu kepada Kementerian ini supaya babi hutan ini tidak dimasukkan dalam senarai binatang-binatang yang dilindungi. Saya tidak tahu apakah gunanya babi hutan ini dilindungi. Masalahnya, Tuan Pengerusi, kadangkala timbul masalah besar kepada petani iaitu mereka ini ada hendak melindungi hasil pertaniannya dengan mengadakan jerat atau sebagainya, walaupun jerat ini tidak mengenai babi hutan, tetapi kalau Pegawai Mergastua dapat berjumpa dengan satu jerat yang dipasang oleh petani-petani ini maka denda ini tidak kurang daripada \$2,000. Jadi lebih besar denda daripada hasil pertanian jika tidak dirosakkan oleh babi. Saya harap hal ini dapat dipertimbangkan. Walaupun hari ini pihak-pihak pertanian membenarkan kita boleh memburu babi itu terutama sekali dalam musim ia tidak mengandung, tetapi masalahnya petani-petani Melayu tidak berupaya untuk hendak menanam babi ini. Saya rasa kalau dibenarkan untuk ditangkap menjadi satu makanan yang baik kepada pihak-pihak yang boleh, saya rasa tidak timbul masalah.

Perkara yang kedua, dalam masalah ini juga saya hendak menyebut iaitu kawasan Ulu Perak ialah suatu kawasan yang banyak didapati binatang-binatang liar seperti gajah, badak, sapi dan lain-lain lagi. Dan banyak tempat-tempat hidupan binatang liar ini mengikut penerangan yang diberi kepada saya oleh kakitangan Jabatan Mergastua iaitu pada satu masa ada pakar-pakar binatang hutan daripada Amerika pernah melawat kawasan hutan Ulu Perak. Mereka memberi pendapat mengatakan bahawa seluruh Tenggara Asia kalau kita hendak melihat keaslian sama ada tempat tinggal atau binatang-binatang liar yang sedang mandi, makan dan sebagainya, maka Ulu Peraklah kawasan yang baik sekali. Akan tetapi pembangunan yang sedang pesat berlaku di Ulu Perak seperti Empangan Temengor, Kenering, Bersia, pembukaan rancangan-rancangan FELDA Bersia, Pepulut

Kenering, Lebuhraya Timur-Barat dan sebagainya maka hutan rimba di Ulu Perak telah dicemarkan. Maka binatang-binatang yang banyak di kawasan itu hari ini tidak ada lagi tempat untuk tinggal. Ini menjadi masalah juga kepada petani-petani, kerana gajah, badak, rusa dan sebagainya keluar memusnahkan hasil-hasil tanaman, hasil pertanian di kawasan itu.

Jadi saya mencadangkan kepada Kementerian ini walaupun di dalam Dewan ini banyak kali soal gajah, badak ditimbulkan dan kita pernah mendengar daripada Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa binatang-binatang di dalam kawasan yang sedang diteroka ini akan dipindahkan ke Taman Negara. Saya tidak tahu bagaimana gajah, badak yang ada di Ulu Perak ini hendak dipindahkan bagi menyelamatkan Taman Negara di Pahang. Maka dengan sebab itu saya mencadangkan supaya satu Taman Negara baru diadakan di kawasan Ulu Perak, kerana masih ada lagi kawasan-kawasan semula jadi dengan air terjunnya, sungai dan tempat makan binatang-binatang, dalam bahasa yang digunakan oleh pihak Mergastua, iaitu Sira, tempat binatang makan yang banyak di kawasan itu yang masih tinggal lagi. Jadi saya harap satu tempat kawasan perlindungan di Ulu Perak diadakan.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini juga saya berharap oleh kerana pada satu masa dahulu dari sejak zaman penjajah sampai ke zaman kemerdekaan di kawasan saya iaitu di daerah kecil Lenggong yang penduduknya ada 35,000 orang yang meliputi kawasan 20 batu panjang dan 10 batu lebar. Di sana ada ditempatkan seorang kakitangan Mergastua dengan rumah dan pejabatnya, tetapi baru-baru ini, 4-5 tahun yang lalu, pegawai ini tidak ada lagi di sana. Maka timbul masalah yang saya sebut pada mula tadi jika berlaku sesuatu hal maka susah bagi kita hendak berhubung.

Perkara ini telah saya bangkitkan beberapa kali di Mesyuarat Tindakan Daerah atau Negeri dan baru-baru ini saya dapat khabar, sama ada benar atau tidak, hendak ditempatkan seorang atau dua orang kakitangan Mergastua di Lenggong akan tetapi dengan sebab tidak ada lagi pejabat dan rumah untuk tinggal, mereka ini datang sekali sekala. Saya cadangkan supaya satu pejabat dan rumah mesti diadakan di kawasan Lenggong.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya hendak menyentuh muka surat 487, Butiran 3—Zoo Negara. Bagaimana yang disebutkan oleh rakan saya dari Sungai Petani, Zoo Negara adalah satu tempat saya rasa sama ada pelancang dalam negeri atau luar negeri bila datang ke Kuala Lumpur dalam jadual lawatannya maka Zoo Negara tidak ketinggalan kerana kehebatan bagi kita hendak melihat segala binatang, keindahan alam dan sebagainya.

Wakil dari Sungai Petani mengatakan bahawa binatang-binatang di sana kurus-kurus. Mungkin tidak cukup makan, mungkin tidak ramai “emak angkat” atau “bapa angkat” untuk memberi makanannya tetapi dua tiga hari ini kalau kita baca akhbar yang sebenarnya binatang-binatang itu barangkali kurus bukan sebab tidak cukup makan sahaja tetapi ada kemungkinan mereka ini sakit jiwa, susah hati kerana kita tahu sekarang pembangunan yang sedang hebat berlaku di sekeliling Zoo Negara itu dengan letupan-letupan bunyi dan sebagainya yang memeningkan kepala yang menyebabkan mereka tidak lalu makan, termenung, burung laut menung, ikan dua tiga kereta sorong mati kerana air dalam kolam sungainya telah keruh. Sebab itu saya berharap pihak Kementerian ini supaya dapat berunding dengan Kementerian-kementerian yang lain supaya bagaimana kita dapat menyelamatkan Zoo Negara ini dari segi keasliannya. Kalau kita membiarkan kawasan ini diteroka untuk pembangunan perumahan saya rasa satu kerugian yang besarlah kepada generasi kita pada masa akan datang tidak dapat lagi untuk melihat, menikmati keindahan alam semula jadi yang ada di kawasan itu.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, maka dengan itu saya sekali lagi menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi: Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Anggaran perbelanjaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah selesai ditimbang dan diluluskan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan desetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah selesai ditimbang dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerus:kan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Perbahasan di atas Maksud Bekalan B. 51 dan B. 52 dan Maksud Pembangunan P. 51 dan P. 52 sekarang disambung semula. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.33 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 487, Maksud P. 51, Butiran No. 3—Zoo Negara. Tadi dua Ahli Yang Berhormat telah bangun berucap atas perkara Zoo Negara dan saya rasa bahawa perkara ini pun adalah satu perkara yang mustahak dan oleh sebab ini saya suka mengambil bahagian dan di samping ini untuk menyampaikan beberapa pandangan saya terhadap Zoo Negara.

Saya nampak bahawa dalam Buku Anggaran Belanjawan bagi tahun 1976 hingga tahun 1980 anggaran bagi tampoh ini untuk Zoo Negara ialah \$2 juta sahaja. Saya rasa amat dukacita bahawa terdapat peruntukan yang begitu kecil untuk membangun Zoo Negara kita. Pada masa kini di negara kita hanya ada satu Zoo dan Zoo itu ialah Zoo Negara di Kuala Lumpur dan oleh yang demikian saya rasa adalah amat mustahak supaya kita dapat bersama-sama untuk membangun Zoo Negara itu di mana rakyat kita dapat merasa bangga. Tetapi suka saya bertanya bagaimanakah kita dapat mencapai tujuan dan objektif ini apabila kita lihat peruntukan yang begitu kecil. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pun ada di sini saya berharap bahawa pada Rancangan Malaysia Keempat pihak Kerajaan patutlah mengadakan satu peruntukan yang lebih besar untuk tujuan membangun satu Zoo Negara di mana semua rakyat kita dapat merasa bangga dan dengan peruntukan yang begitu besar kita dapat menjaga hal-hal berkenaan dengan penyelenggaraan zoo itu. Misalnya kita dapat menghantar pegawai-pegawai kita ke luar negeri untuk meninjau dan mempelajari macam mana kita dapat menyelenggarakan satu zoo yang mustahak ini.

Selain daripada itu saya suka menggunakan kesempatan ini untuk menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang satu masalah yang telah diberi publisiti luas oleh suratkhbar tempatan iaitu mengenai kecemaran ke atas Zoo Negara yang telah menjadi bertambah buruk di akhir-akhir ini apabila kawasan pemeliharaan binatang dicemar oleh beberapa jenis kecemaran dan juga telah dilanda oleh banjir. Boleh dikatakan bahawa Zoo Negara kita sedang menghadapi satu keadaan yang genting, satu keadaan yang boleh dianggap boleh menjejaskan

masa depannya dan kecemaran yang utama ialah tentang pembangunan yang di sekitar kawasan zoo misalnya pembangunan estet-estet perumahan dan juga kecemaran yang kedua ialah disebabkan oleh letupan oleh satu kuari yang berdekatan zoo itu.

Sungguhpun saya sedar bahawa perkara ini adalah dijaga oleh Kerajaan Negeri oleh sebab hanya Kerajaan Negeri sahaja ada kuasa untuk meluluskan tanah untuk tempat pembangunan tetapi saya berpendapat bahawa pihak Kementerian yang berkenaan patut mengambil satu sikap yang tegas dan tidak berganjak terhadap satu masalah yang penting dan sekiranya pihak Kementerian rasa bahawa mereka tidak cukup kuasa saya syorkan bahawa pihak Kementerian boleh membawa satu Rang Undang-undang yang boleh melengkapkan Kementerian dengan kuasa yang cukup untuk mengatasi masalah yang saya sebutkan tadi dan masalah itu ialah sebagaimana saya katakan tadi iaitu nampaknya Kerajaan Negeri tidak hendak bekerjasama dan telah meluluskan tanah untuk estet perumahan. Saya suka memberitahu Dewan ini bahawa saya sendiri bercadang untuk membawa perkara ini dalam sidang Dewan Undangan Negeri Selangor.

Satu perkara yang akhir yang saya suka sentuh iaitu berkenaan dengan mukasurat 483, Program 3—Alam Sekitar. Di sini suka saya menyentuh tentang Akta Kualiti Alam Sekitar tahun 1974.

Saya faham bahawa di bawah peruntukan Akta ini, Pengarah Alam Sekitar hendak menyiapkan satu laporan dengan tujuan untuk memberitahu rakyat tentang keadaan alam sekitar di negara kita dan saya harap bahawa pihak yang berkenaan dapat mengeluarkan laporan itu dengan seberapa cepatnya supaya kita semua dapatlah memahami dengan lebih mendalam tentang kualiti alam sekitar di negara kita.

Selain daripada ini, saya suka menitik beratkan tentang jentera untuk memonitor berbagai jenis kecemaran di negara kita dan saya harapplah bahawa Kementerian yang berkenaan pun telah menyediakan satu jentera dengan tujuan dapat memonitor berbagai-bagai jenis kecemaran di negara kita. Itulah pandangan yang saya hendak sampaikan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Panti.

5.40 ptg.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya juga bangun menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya ingin menyentuh B. 51 mukasurat 483, Program (2) Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail, ringkasnya PUSPATI.

Tuan Pengerusi, selama ini kita jarang sangat berpeluang menyaksikan atau melihat dengan sendiri aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PUSPATI ataupun Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail ini. Saya cadang supaya Yang Berhormat Menteri dapat mempelawa Ahli-ahli Dewan pada suatu hari untuk melihat keadaan di sana. Saya percaya Pusat Penyelidikan Atom ini dengan peruntukan yang dipohon lebihkurang \$2.5 juta ialah untuk penyelidikan keselamatan atau kalau tidak silap saya dalam bahasa Inggerisnya Atom for peace.

Memandangkan keadaan hari ini, Tuan Pengerusi, walaupun kita gunakan penyelidikan ini untuk tujuan-tujuan keselamatan dan sebagainya tetapi elok jugalah saya cadangkan kalau kita bersedia, sediakan payung sebelum hujan. Iaitu menyediakan pakar-pakar atom kita sendiri dengan melatih anak-anak tempatan, mempelajari atom bukan sahaja untuk keselamatan tetapi sudah sampai masanya barangkali kita menyediakan pakar-pakar penyelidikan untuk menggunakan atom ini untuk pertahanan diri kita sendiri. Walaupun kuasa-kuasa besar dunia hari ini berbincang supaya disekat, supaya dihadkan perlumbaan kepada senjata-senjata atom tetapi dalam pada itu, dalam pada mereka cuba menyekat di antara satu sama lain, tetapi masing-masing membuat persiapan dan persediaan. Jadi terlanjur kita sudah ada pusat penyelidikan atom ini eloklah diluaskan aktivitiinya dan dipohon peruntukan lebih banyak lagi untuk dapat kita melahirkan ramai pakar-pakar atom kita.

Tuan Pengerusi, menyentuh saya Program (4) mukasurat yang sama Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara.

Di sini terdapat pertelagahan ataupun percanggahan di antara sesuatu Kementerian dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini. Sebab Kementerian ini mencadangkan memelihara binatang-binatang

liar dan tidak boleh dimusnahkan. Di satu pihak Kementerian yang lain umpamanya, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, saya bimbang Yang Berhormat Menteri itu menjadi kurus sebab memikirkan keadaan-keadaan yang berlaku di bawah jagaannya berhubung dengan FELDA, FELCRA dan RISDA.

Kami telah difahamkan bahawa FELDA telah menanggung kerugian \$150 juta yang dimusnahkan oleh binatang-binatang liar terutama sekali gajah. Sedangkan ada Kementerian ini umpamanya melarang sama sekali tidak boleh dimusnahkan binatang-binatang liar seumpama gajah. Dan untuk mendapatkan seekor gajah, perbelanjaan menangkap seekor gajah dan memelihara gajah apabila sudah ditangkap telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan baru-baru ini, \$50 sehari. Ini saya percaya tidak termasuk belanja mengurus, belanja pegawai-pegawai yang menjaga 24 jam, pegawai-pegawai yang bekerja lebih masa, saya percaya tidak cukup \$50 sehari belanjanya. Dalam pada itu binatang-binatang itu tidak dapat juga hendak ditangkap.

Saya sukalah mencadangkan kepada Kementerian ini supaya cuba menghubungi negerinegeri yang mahir dengan gajah seperti Thailand dan India kerana mereka ini mahir dengan gajah dan dapat menjinakkan gajah dan bukan sahaja dapat menjinakkan gajah bahkan gajah dijadikan satu tenaga untuk menolong manusia mengangkat benda-benda yang berat seperti kayu balak dan sebagainya.

Kalau di negara jiran seperti India dan Thailand gajah itu dapat dijinakkan untuk memberi khidmat kepada manusia maka saya percaya gajah-gajah kita juga sama kuatnya dengan gajah yang ada di India boleh berkhidmat untuk manusia. Jadi terpaksa Kementerian ini berikhtiar dan mencari jalan bagaimana, kerana hendak dihapuskan tidak boleh, tangkap sahaja. Tetapi akan timbul satu masalah.

Saya sendiri pernah menyasiat perkara ini dan bertanya kepada Pegawai-pegawai Mergastua Daerah kerana bila seekor gajah itu ditangkap ianya tidak dapat ditangkap hanya dengan jerat dan sebagainya tetapi terpaksa ditembak dengan peluru pelali. Yang akan menjadi masalah pula gajah itu besar sangat. Bila gajah yang ditembak

dengan peluru pelali tadi besar sangat, tidak ada lori yang boleh mengangkat, sebab dia bukan terbaring di tepi jalan tetapi dia akan terbaring dalam hutan. Bukan senang hendak menangkap bapak gajah dengan emak gajah. Kalau anak gajah ditembak, barangkali 4-5 orang boleh angkat masuk dalam lori tetapi sudah bapak gajah, kena gajah jugalah mengangkatnya. Jadi akan timbul masalah. Ini saya sendiri difahamkan, diberi taklimat oleh Pegawai Mergastua dan terpaksa gajah besar tadi dibiarkan dia sedar balik semula, lepaskan lari ke dalam hutan, sebab hendak dibunuh tidak boleh.

Jadi sudah ditangkap, sudah ditawan, tidak dapat cara hendak tarik keluar dilepaskan semula. Kalaulah ini keadaannya berlalutan sampai 10-20 tahun pun kita tidak dapat menyelesaikan masalah gajah ini.

Saya harap kepada Kementerian yang berkenaan gajah yang sudah tua, elok kalau perlu dibinasakan dibinasakan sahaja. Kalau tidak terpaksa cari jalan lain bagaimana hendak menjinakkannya dan saya ada mendengar cadangan supaya kawasan-kawasan yang dilanda atau yang dibinasa oleh gajah ini ditaruh wayar elektrik dan sebagainya. Ini saya rasa tidak akan menghapuskan masalah, selagi gajah-gajah ini bermaharajalela, selagi gajah-gajah ini hidup dia akan tetap mencari makan sebab kita yang mencemarkan tempat itu, kita yang meneroka hutan. Kita yang salah pada anggapan dia, agaknya. Jadi terpaksa di merosakkan tanaman-tanaman kita.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan alam sekitar, ini telah banyak Ahli-ahli Yang Berhormat menceritakan dan saya hanya mengingatkan satu perkara sahaja iaitu kawasan saya di Tanjung Lembu ada satu kilang baja yang letaknya di tengah-tengah bandar. Barangkali dapatlah kita menggambar bagaimana keadaan bandar itu bila kilang ini memproses baja-baja itu. Busuknya tidak dapat dikira dan perkara ini telah saya timbulkan berkali-kali. Saya harap dengan adanya perkara ini Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengambil berat, akan cuba berikhtiar mengalih kilang-kilang itu daripada tengah-tengah bandar Tanjung Lembu ke tepi hutan yang jauh daripada manusia.

Sekian, dengan ini saya menyokong peruntukan yang dipohon.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.50 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian muka halaman 483, Program (3) Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, memang tidak seorangpun boleh menafikan bahawa kita ada beberapa akta umpamanya Akta Kualiti Alam Sekitar untuk melindungi kualiti alam sekitar, kehidupan manusia atau alam semula jadi, tetapi setakat ini dari perangkaan yang menunjukkan bahawa di Malaysia sendiri sahaja ada melebihi 42 buah sungai telah dicemari. Di antara 42.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat becap di bawah Program mana?

Tuan Chan Teck Chan: Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi: Alam Sekitar di mana?

Tuan Chan Teck Chan: Di muka halaman 483, Program (3)

Tuan Pengerusi: Program (3), baiklah teruskan.

Tuan Chan Teck Chan: Di antara 42 buah sungai ini nampaknya 7 buah sungai telah sampai ke peringkat yang sangat serius sehingga kualiti air sungai ini tidak boleh diselamatkan. Saya tidak tahu bahawa semenjak berkuatkuasa Akta yang berkenaan maka apakah usaha-usaha penyelamatan telah dijalankan oleh Kementerian untuk menyelamatkan sungai-sungai yang merupakan satu punca bekalan air bagi seluruh Malaysia ini boleh diselamatkan.

Di Sarawak saya yakin Yang Berhormat Menteri yang datang dari Sarawak ini akan sedar bahawa satu masalah yang sangat serius tertimpa pada Sungai Rajang di mana Sungai Rajang melalui Third Division dan Sixth Division di mana seramai 300,000 penduduk adalah menggunakan Sungai Rajang ini sebagai bekalan air untuk minum mereka. Saya memang sedar bahawa Yang Berhormat Menteri sendiri ada mengarahkan bahawa beberapa siasatan dan pemeriksaan telah dijalankan tetapi apakah hasil-hasil telah dicapai untuk menyelamatkan Sungai Rajang ini

dicemar dengan seriusnya sehingga penduduk dari Third dan Six Division adalah merasa khuatir apakah long term effect terhadap kesihatan mereka. Saya tidak tahu apa sebab estet perindustrian boleh diizinkan di atas Bahagian itu iaitu jika tidak salah saya namanya Laran Road ada sebuah estet yang merupakan satu punca yang mengakibatkan pencemaran. Saya harap Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sebagai seorang yang datang dari Sarawak boleh memberi priority untuk menyelamatkan Sungai Rajang daripada dicemari, kerana nyawa 300,000 manusia adalah terancam di sepanjang Sungai Rajang di Sarawak.

Begitu juga sebuah sungai di Keluang, Johor iaitu Sungai Menghibur di mana sebuah kilang textile, Malaysian Textile Industry Sendirian Berhad. Sungguhpun pada tahun 1972 Ahli Yang Berhormat dari Petaling pernah menimbulkan masalah ini di Dewan yang mulia ini tetapi baharu-baharu ini pencemaran Sungai Menghibur sekali lagi membawa satu masalah dan akibat yang begitu membimbangkan penduduk-penduduk di Keluang. Jika tidak silap saya sekurang-kurangnya ada 50,000 bilangan penduduk Keluang adalah menggunakan air sungai itu. Saya tidak tahu apa sebab pihak Negeri Johor, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Kesihatan tidak mengambil tindakan untuk mencegah kilang textile ini melepaskan air pencemaran yang ada kaitan dengan bahan-bahan celupan dari printing section iaitu bahan-bahan dyestuff yang digunakan. Menurut beberapa laporan, umpamanya, WHO atau ICI di mana ada melaporkan bahawa semua jenis bahan-bahan dyestuff iaitu bahan-bahan celupan yang digunakan oleh Malaysian Textile Industry ini yang boleh membawa satu kesan yang sangat buruk terhadap kesihatan manusia, khasnya kaum lelaki iaitu bladder cancer.

Di sini saya tidak mahu menyebut dengan cara detail perkara ini kerana saya sendiri ada terlibat, pada masa itu saya sendiri ada bekerja dengan kilang itu, saya yakin Pengarah-pengarahnya yang terdiri dari MCA yang menjadi boss bagi kilang ini, saya harap Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar besok atau minggu ini boleh menghantar satu pasukan

turun ke Keluang, Johor untuk menyiasat supaya tindakan-tindakan yang positif atau yang berkesan boleh diambil untuk mencegah kilang kain itu melepaskan lagi air kotor ini ke Sungai Mengkibol. Biasanya bila hujah turun kilang-kilang ini selalu melepaskan air kece- maran itu ke Sungai Mengkibol yang selalu menimbulkan kekhawatiran di kalangan penduduk-penduduk Keluang. Kekhawatiran ini bukan tidak berasas, kerana berasas kepada laporan-laporan WHO dan juga ICI dan beberapa laporan dari Universiti Singapura di mana kita boleh lihat bagaimana serius air ini jika diminum melebihi 10 atau 15 tahun bladder cancer ini akan dihindangi oleh kaum lelaki. Saya harap Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar boleh memberikan juga priority untuk melindungi nyawa dan kehidupan penduduk-penduduk di Keluang dan juga di Sarawak.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh muka halaman 486, Butiran 1— standard and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM). Tuan Pengerusi, saya fikir sudah sampai masanya bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mempiawaikan segala barang-barang keperluan dan barang-barang kegunaan yang ada berkaitan dengan keselamatan orang ramai. Ini perlulah dipiawaikan supaya tiap-tiap benda yang dikeluarkan khasnya yang dikeluarkan di pasaran tempatan atau barang-barang yang diimport dari negara-negara asing itu bolehlah disenaraikan sebagai barang-barang yang sudah dipiawaikan, sebagai barang yang selamat dan cukup standard supaya segala barang-barang yang baik diimport atau dikeluarkan oleh negara sendiri bolehlah terjamin qualiti, standard dan keselamatannya, kerana beberapa barang yang kita guna dan yang kita pakai baharu-baharu ini sudah disyak-wasangkakan keselamatannya, umpamanya, gas cylinder telah meletup yang begitu mengancam keselamatan pengguna. Perkara-perkara serupa ini perlulah diberi keutamaan supaya keselamatan nyawa dan kesihatan orang ramai bolehlah diperindungi oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui SIRIM yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.58 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, menyentuh B. 51, mukasurat 483, Butiran 1100, Program (3) Alam Sekitar.

Kita dapati akibat daripada pembangunan yang pesat di negara ini, kilang-kilang telah pun muncul berhampiran dengan bandar-bandar kecil dan oleh sebab keadaan bandar-bandar kecil ini adalah berdekatan dengan suasana di luar bandar maka kilang-kilang ini kebanyakannya adalah agro-based. Misalnya, kilang papan, kilang kelapasawit dan berbagai-bagai lagi.

Masalah yang timbul, Tuan Pengerusi, apabila kita dapati kilang-kilang terutama sekali kilang papan maka pencemaran udara amat terasa sekali terutama apabila kilang-kilang ini wujud dekat dengan bandar. Yang saya katakan dekat dengan bandar. Tuan Pengerusi, kadangkala tidak sampai pun $\frac{1}{4}$ batu daripada pusat bandar. Dalam hal ini saya ingin bertanya kepada Kementerian yang berkenaan adakah apabila sesuatu kilang hendak didirikan pihak Kementerian ataupun Jabatan Alam Sekitar pernah diminta nasihat mengenai tempat ataupun perkara yang dibuat oleh pihak kilang tersebut. Sekiranya perkara ini belum menjadi amalan lagi kepada pihak-pihak yang berkenaan, terutama sekali pihak Kerajaan Tempatan atau Majlis Daerah atau Majlis-majlis Perbandaran, saya mengesyorkan supaya pihak Kementerian ini hendaklah berunding supaya kilang yang hendak didirikan itu hendaklah mendapatkan nasihat sekurang-kurangnya walaupun tidak persetujuan dari pihak Jabatan Alam Sekitar Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini.

Tuan Pengerusi, selalunya apabila timbul masalah kilang ini maka pihak Kementerian ini akan dihujani oleh orang ramai dengan masalah-masalah pencemaran dan sudah tentu pihak Kementerian ini akan mengambil langkah-langkah yang tertentu tetapi masalah yang kita hadapi di sini ialah sejauh manakah pihak-pihak yang terlibat, kilang-kilang tersebut mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam

Sekitar. Kita dapati kadangkala daripada masa laporan kepada tindakan itu mengambil masa yang lama, ini boleh jadi kita tidak dapat menyalahkan pihak Kementerian ini tetapi mungkin kerana kakitanga ataupun pegawai-pegawai di Kementerian ini tidak mencukupi.

Di dalam mengatasi perkara ini, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya kita mengambil satu pendekatan (approach) mengelakkan sesuatu perkara itu daripada berlaku lebih baik daripada kita cuba mengubati sesuatu penyakit apabila penyakit itu telah menular, dengan izin, prevention is better than cure. Dengan ini saya mencadangkan supaya pihak Alam Sekitar mengadakan pegawai-pegawainya yang tetap di peringkat-peringkat negeri dan kalau sesebuah negeri itu adalah besar maka negeri-negeri berkenaan hendaklah dipecahkan kepada daerah-daerah. Daerah-daerah bagi Pejabat Alam Sekitar ini senang bagi pegawai-pegawai untuk mengesan (monitor) apakah sebenarnya yang patut diprevent sebelum perkara ini berlaku. Dengan cara demikian maka tidaklah berlarutan masalah-masalah sungai-sungai kotor, berlarutan masalah kilang-kilang yang di pinggir-pinggir bandar, kedapatan juga kilang-kilang bersaing dengan tapak hospital sebagaimana yang terdapat di kawasan saya di Tanah Merah, Kelantan dan seterusnya berbagai-bagai perkara lagi.

Perkara seterusnya, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sentuh iaitu P. 51, muka surat 486—SIRIM.

Saya suka mengesyorkan kepada Kementerian ini mencari jalan supaya setiap barang yang dikeluarkan di negara ini ataupun setiap barang yang diimport daripada luar negeri hendaklah mengambil ujian SIRIM supaya dengan mengambil ujian SIRIM ini maka pengguna-pengguna tidak akan tertipu dengan mutu (quality) barang-barang tersebut. Kiranya pihak Kementerian ini belum lagi mempunyai kuasa-kuasa yang demikian sudah sampai masanya kuasa-kuasa ini perlu diperolehi.

Selain daripada itu saya ingin juga menyentuh mengenai SIRIM ini iaitu apakah setelah sesuatu barangan itu telah mendapat cop ataupun tanda SIRIM, pihak Kementerian tidak membuat penyemakan lanjutan selepas daripada itu dan sekiranya ada penyemakan lanjutan sudah tentu terdapat perkara-perkara

yang tidak mengikut standard atau tidak mengikut kehendak-kehendak piawaian SIRIM. Mungkin pihak Kementerian boleh memberitahu kepada Dewan yang mulia ini apakah tindakan-tindakan yang telah diambil kepada culprits yang tersebut itu.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Butiran 3—Zoo Negara, muka surat 487, Maksud P. 51. Saya juga hendak menyentuh mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam akhbar dalam 2-3 hari yang lepas mengenai kedudukan Zoo Negara.

Kita berasa sedih kerana keadaan Zoo Negara ini pada hari ini makin hari makin terhimpit kerana habitat keadaan sekitar adalah telah berubah dengan perkara-perkara pembangunan yang pesat berlaku di sekelilingnya. Walaupun pihak Kerajaan Negeri Selangor dalam jawapan atau response kepada rungutan-rungutan dalam akhbar tersebut telahpun mengambil langkah yang tertentu, iaitu menghentikan pembangunan-pembangunan yang di sekitar Zoo Negara tersebut tetapi kita masih ragu sejauh manakah perkara-perkara yang sedang berlaku di sekitar Zoo Negara itu boleh merosakkan keadaan haiwan-haiwan ataupun habitat yang wujud di sekitar Zoo Negara itu. Dengan ini mungkin patut diperhatikan punca-punca sungai yang mengalir ke dalam Zoo yang mana kalau tak silap saya telah membunuh 2-3 ekor burung di dalam Zoo Negara itu kalau mengikut laporan akhbar itu betul dan ini perlu diperbaiki. Mungkin juga Kementerian ini patut mendapat kepastian yang muktamad daripada Kerajaan Negeri Selangor iaitu mana-mana tempat di sekitar Zoo Negara yang belum pun lagi dibangunkan itu digezetkan supaya tidak dibangunkan dan ianya hendaklah kalau boleh diminta untuk dijadikan kawasan kepada Zoo Negara.

Begitu juga sebarang kerja-kerja di sekitar Zoo Negara, di luar daripada kawasan yang saya sebutkan tadi hendaklah diadakan jenis kerja yang agak dikontrolkan sedikit, kalau adapun rock blasting, maka rock blasting ini hendaklah dikontrolkan sedikit. Dan kiranya ada laluan-laluan lalulintas yang hendak sampai ke tempat-tempat ini maka hendaklah juga dikontrolkan sedikit dari segi speednya ataupun seboleh-bolehnya hendaklah lari sedikit daripada kawasan-kawasan yang terlalu berhampiran dengan Zoo Negara kerana

ini akan menyebabkan keadaan Zoo ataupun keadaan binatang-binatang dalam Zoo Negara itu akan terjejas, sama ada dari segi psychologynya sepertimana yang disebutkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat tadi ataupun lain-lain perkara. Dengan cara yang demikian maka sekurang-kurangnya apa yang ada di dalam Zoo Negara hari ini kita dapat mengekalkannya.

Selain daripada itu patut juga difikirkan pada hari ini oleh sebab Zoo Negara ini adalah terlalu dekat dengan Kuala Lumpur patut difikirkan untuk mengadakan sebuah lagi Zoo Negara di tempat lain yang agak lebih jauh daripada bandar, mungkin di Perak sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas tadi. Ini saya rasa patut diberi pertimbangan yang baik kerana Perak, mungkin juga negeri-negeri yang lain sepatutnya adalah jauh sedikit daripada bandar yang mana ini akan menja'li gangguan daripada pembangunan-pembangunan yang dibuat oleh manusia.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya harap bahawa di dalam Butiran 4—Kemajuan Taman Negara, dalam butiran ini Kementerian ini memohon sebanyak \$200,000 bagi pembangunan pada tahun 1981.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian ini hendaklah menalakan usaha-usaha yang serius untuk menempatkan semula binatang-binatang yang terhimpit atau terancam pada hari ini. Kita selalu mendengar di dalam Dewan yang mulia ini, melalui akhbar-akhbar atau percakapan di luar-luar usaha-usaha sedang dijalankan, pernah dijalankan untuk menempatkan semula binatang-binatang liar yang terdapat di hutan-hutan belantara dan nampaknya usaha-usaha setakat ini telahpun ada tetapi belum memuaskan lagi. Kita mengharapkan supaya usaha-usaha hendaklah dibuat sama ada dengan tenaga kepakaran tempatan atau tenaga kepakaran daripada luar negeri. Dengan ini saya mengatakan bahawa kiranya tidak dapat kita usahakan dalam masa 10 tahun daripada hari ini ataupun paling lama 15 tahun, mungkin binatang-binatang liar akan terpupus atau terhapus dengan sendirinya apabila natural habitat binatang-binatang liar itu makin sehari semakin terhimpit, lantaran pembalakan yang terlalu laju yang dijalankan oleh pihak-pihak selain daripada pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Dengan ini saya menyokong permohonan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.07 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk menjelaskan perkara-perkara yang dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Anggaran Kementerian saya di bawah Maksud B. 51 dan B. 52 dan P. 51 dan P. 52.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih ke atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Untuk menjimatkan masa, saya tidak berhajat untuk menjawab teguran Ahli-ahli Yang Berhormat satu persatu, saya fikir lebih elok jika saya menjawab pandangan-pandangan atau teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat atas tajuk-tajuk atau agensi-agensi yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Padang Rengas, Sungai Petani dan juga lain-lain Ahli Yang Berhormat yang saya tidak dapat sebutkan nama-nama mereka telah merujuk kepada perkara atau masalah yang timbul berkenaan dengan Zoo Negara. Sukalah saya menjelaskan bahawa pegawai-pegawai Kementerian saya telah membuat lawatan ke Zoo Negara, sebenarnya pagi ini juga dan telah mengadakan perbincangan dengan Suprintendent dan kakitangan Zoo Negara yang lain. Hasil daripada perbincangan itu kita telah bersetuju supaya contoh air daripada beberapa tempat di kawasan Zoo Negara dan kawasan sekitarnya akan diambil untuk dianalisa oleh Jabatan Kimia dan juga diperiksa oleh Kementerian saya.

Suka juga saya melaporkan, Kementerian saya telah berhubung dengan Kerajaan supaya dapat memberi kepada Zoo Negara pegawai yang dapat bertugas untuk menjaga kesihatan binatang-binatang dalam Zoo Negara itu dan di tahun hadapan kita harap kita dapat juga melantik seorang pegawai zoologist atau pakar binatang, seorang veterinar dan juga seorang pegawai yang lain yang dapat menjaga binatang-binatang dalam Zoo Negara itu.

Berkenaan dengan hidupan liar yang disentuhkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, Panti dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, suka saya menegaskan, Kementerian saya telahpun menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pengkalan hidupan liar dan tumbuh-tumbuhan dan jawatankuasa tersebut sedang menyediakan satu "Blueprint for Conservation" atau laporan untuk menentukan kawasan-kawasan untuk Taman-taman Negara, rizab-rizab hidupan liar, dan lain-lain tempat untuk alam semula jadi. Seperti apa yang dikata oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, masalah ini timbul kerana habitat binatang liar itu terjejas oleh pembangunan yang pesat yang telah berlaku dalam negara kita.

Penubuhan kawasan-kawasan tersebut akan dijalankan dengan kerjasama pihak-pihak berkuasa Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia menurut Akta Taman Negara yang baru diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Kementerian saya sedang mengurus untuk mendapatkan pakar-pakar gajah dari India seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti bagi mendalami lagi teknik penangkapan gajah yang sedia dijalankan oleh Kementerian saya. Hidupan liar haruslah kita abadikan untuk generasi akan datang oleh kerana kita telah mewarisi sejak dari berjuta-juta tahun dahulu dan kini menjadi sebahagian dari kekayaan dan kebudayaan negara ini. Dalam melaksanakan Akta Hidupan Liar tersebut, Kementerian ini akan berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan sekiranya terdapat pertelagahan seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti tadi.

Berkenaan dengan babi hutan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, di bawah Akta Hidupan Liar No. 76/72, tuan punya tanaman boleh membunuh hidupan liar yang merosak tanaman selain daripada menunggu pegawai hidupan liar mengambil tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah merujuk berkenaan dengan peraturan pencemaran sama ada air atau udara. Mengenai perkara ini beberapa peraturan-peraturan telah diadakan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, khasnya Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling

(Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian), 1979 yang akan dikuatkuasakan dengan sepenuhnya pada 1hb Januari, 1981 akan mengawal pelepasan effluen-effluen dari kilang-kilang kain juga adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan tersebut dan dikehendaki mematuhi standard-standard pelepasan effluen yang dikenakan.

Begitu juga pencemaran mengenai Sungai Mengkibol di Johor oleh kilang kain di mana bahan pencelup (dyestuff) adalah sangat membahayakan.

Berhubung dengan kawalan pencemaran dijangka akan lebih berkesan dengan penubuhan cawangan-cawangan Bahagian Alam Sekitar termasuk di Kuching dan di Johor Bahru dalam tahun yang akan datang.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Laporan Tahunan Bahagian Alam Sekitar-sekitar giat disediakan. Di samping itu Bahagian ini juga akan mengedarkan laporan-laporan kualiti air dan udara dari masa ke semasa untuk pengetahuan umum. Sebagai tambahan, untuk tujuan penyelidikan dan maklumat orang ramai terbitan yang dinamakan "Sekitar" dikeluarkan oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga bertanya apakah jentera yang digunakan untuk mengawasi pencemaran. Berhubung dengan soal penggunaan jentera bagi pengawasan pencemaran itu, Kementerian saya mengambil perhatian atas perkara tersebut dan peruntukan tambahan akan diminta jika perlu. Hasil penyiasatan itu akan dikeluarkan dengan perakuan yang sewajarnya dan akan dimajukan kepada pengurusan untuk dikuatkuasakan dengan secepat mungkin. Adalah ternyata Kementerian saya telah menitikberatkan masalah ini.

Berkenaan dengan 40 buah sungai yang dicemarkan oleh kilang-kilang sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya ingin menjawab bahawa data yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah data bagi tahun 1976 iaitu 4 tahun dahulu sebelum penguatkuasaan peraturan-peraturan Kawalan Alam Sekitar dan semenjak pelaksanaan peraturan itu sehingga dewasa ini keadaan kualiti sungai-sungai adalah semakin lama semakin baik. Jadi tidak benarlah apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani berkenaan dengan kerugian petani-petani oleh pelepasan ke udara dan effluen perindustrian, suka saya menjawab teguran-teguran dan cadangan-cadangan beliau itu akan diambil ingatan. Sejauh mana yang saya telah maklumkan kepada Dewan yang mulia ini dalam masa soal jawab kelmarin, saya memang sedar masalah ini dan Kementerian saya melalui Bahagian Alam Sekitar telah terus bertindak dengan cergas.

Mengenai dengan kecemaran oleh pengusaha-pengusaha pengilang-pengilang batteri dan tayar telah diberi arahan memberhentikan pembakaran terbuka dan kerjasama pihak berkuasa tempatan telahpun dipohon untuk ditempatkan berasingan, khas untuk sampah perindustrian.

Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan bahawa pandangan-pandangan, teguran-teguran dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya huraikan dengan lebih lanjut akan diambil perhatian dan tindakan oleh Kementerian saya. Kementerian saya akan meneruskan usaha-usahnya dalam bidang pemulihan alam sekitar melalui beberapa strategi khasnya kawalan pencemaran serta perancangan-perancangan dalam bidang kegiatan yang mempunyai kesan-kesan ke atas alam sekitar. Usaha-usaha kawalan pencemaran ini akan ditingkatkan dengan penubuhan beberapa pejabat wilayah yang saya telah sebutkan tadi.

Kementerian saya adalah juga menitikberatkan untuk menentukan bahawa segala peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling dipatuhi sentiasa setiap masa. Dalam hubungan ini saya ingin, Tuan Pengerusi, memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa pada pagi tadi 5 (lima) buah kilang kelapa sawit telah dihampakan ke Mahkamah Sesyen di Johor Bahru dan hukuman denda sebanyak \$16,000 telah dikenakan ke atas kilang-kilang tersebut di mana 4 (empat) daripadanya didapati telah melanggar peraturan-peraturan dan sebuah lagi telah menjalankan kilangnya tanpa mempunyai lesen.

Saya harap kejadian ini akan menjadi satu peringatan serius kepada kilang-kilang kelapa sawit yang cuai di dalam mengadakan sistem pengolahaan effluen dan saya harap mereka

yang berkenaan itu akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya mematuhi peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling demi mencegah pencemaran alam sekitar.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya akan mewujudkan beberapa kawasan sebagai taman-taman negara dan rizab-rizab hidupan liar serta mengkaji keadaan zoo-zoo yang terdapat di negara ini. Di bidang sains dan teknologi pula, tindakan-tindakan akan diambil untuk meningkatkan usaha-usaha bagi memberi perkhidmatan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana di luar bandar dengan mengadakan beberapa pejabat wilayah. Di samping itu usaha-usaha akan digiatkan oleh Kementerian saya bagi mengadakan satu Rang Undang-undang yang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini di masa yang akan datang bagi mengawal dan menjaga hal-hal radiasi (radiation) di negara ini.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya mencadangkan bahawa anggaran perbelanjaan tahun 1981 bagi Kementerian saya di bawah Maksud B. 51, B. 52 dan P. 51 dan P. 52 yang mana kesemuanya berjumlah \$76,719,928 seperti dalam Kertas Perintah Nombor 36 Tahun 1980 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$29,563,700 untuk Maksud B. 51 dan \$8,217,700 untuk Maksud B. 52 di bawah

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$29,563,700 untuk maksud B. 51 dan \$8,217,700 untuk maksud B. 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$38,037,100 yang disebutkan dalam Maksud P. 51 dan \$901,428 untuk Maksud P. 52 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Wang sebanyak \$38,037,100 untuk Maksud P. 51 dan \$901,428 untuk Maksud P. 52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1981.

Tuan Pengerusi: Hari esok hari akhir membincangkan dalam Jawatankuasa, Majlis akan menimbangankan anggaran di bawah Kementerian Pengangkutan, setelah itu diikuti menimbangankan anggaran Kementerian Kebajikan Am dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, Rabu, 3hb Disember, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.